AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAN diletakkan kitab (catatan amal perbuatan setiap orang) maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu ketakutan terhadap apa yang tercatat di dalamnya dan mereka berkata : "Aduhai celakalah kami. Kitab apakah ini? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (juga) yang besar melainkan semua dihitungnya". Dan mereka mendapati apa yang mereka telah kerjakan itu sedia (tercatat di dalamnya). Dan Tuhanmu tidak menzalimi seorang jua pun".**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Kahf, ayat 49**

| WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 124 | 15 OKTOBER 2025 / 1447 ربيع الأخير 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SELESAINYA PROJEK PENAMBAHAN MASJID SALAMBIGAR

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat atas selesainya projek penambahan bangunan baharu Masjid Kampung Salambigar.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**SALAMBIGAR**, Selasa, 14 Oktober. - Sebagai tanda kesyukuran atas selesainya projek penambahan bangunan baharu Masjid Kampung Salambigar, Ahli Jawatankuasa Takmir (AKJT) masjid berkenaan mengungkayahkan Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat bagi menzahirkan rasa syukur serta penghargaan atas usaha berterusan dalam memperkukuh peranan masjid sebagai pusat ibadah dan perpaduan masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Penasihat AJKT Masjid Kampung Salambigar, Dato Seri Setia



Awang Haji Adam bin Ahmad; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU; AJKT dan Muslimah Masjid Kampung Salambigar serta guru-guru dan penuntut-penuntut sekolah ugama sekitarnya.

>> Muka 3

# Sedekah, amalan yang mampu dibuat oleh sesiapa sahaja

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BERAKAS**, Selasa, 14 Oktober. - Forum sempena Majlis Ilmu 2025 bagi Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun telah diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Forum sempena Majlis Ilmu 2025 di Daerah Brunei dan Muara bertajuk 'Sedekah: Amalan Mampu Milik Semua' memberi penekanan dan penerangan mengenai jenis-jenis sedekah melalui kupasan hadis 26 dari hadis 40 Imam Nawawi.

>> Muka 7

# Hargai peranan farmasi dalam majukan kesihatan, kesejahteraan

**Oleh : Aimi Sani**

**JERUDONG**, Isnin, 13 Oktober. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) hari ini meraikan Hari Farmasi Sedunia 2025 bertempat Dewan Kuliah Bangunan Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), menghimpunkan para profesional penjagaan kesihatan, pihak berkepentingan dan tetamu jemputan bagi menghargai peranan penting farmasi dalam memajukan kesihatan dan kesejahteraan.

Acara yang dianjurkan oleh Jabatan Farmasi, JPMC ini diadakan dengan membawakan tema iaitu 'Fikir Kesihatan, Fikir Farmasi'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Farmasi JPMC, Stephanie Lee yang antara lain berkata bahawa farmasi bukan sekadar bidang, ia ada komitmen untuk kesihatan dan kesejahteraan.

>> Muka 3

# Upacara Penurunan Bendera Besar NBD di ibu negara

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Oktober. - Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 berlangsung petang tadi di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan sambutan tersebut.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

# Berita Utama




**MEMPERKUKUH tadbir urus Perkhidmatan Awam dalam mendepani masa hadapan** Muka 8



**PESTA Konvo raikan pencapaian graduan IBTE** Muka 11



**WARGA pendidik Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I diraikan** Muka 19



RENCANA

**MEMPERKASA amalan gaya hidup sihat** Muka 20

PELITA BRUNEI



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha merangkap Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam berucap pada Majlis Minggu Maritim Brunei Darussalam 2025 (BDMW 2025) dengan tema 'Our Ocean, Our Obligation, Our Action' pada Selasa, 30 September 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong.**

# Maritim berkemahiran tinggi memacu kepelbagaian ekonomi usaha pembangunan mampan

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

**Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan selamat pagi kepada semua.**

SELAMAT datang ke Brunei Darussalam Maritime Week (BDMW) 2025. Saya berasa bangga diberikan penghormatan untuk menyampaikan ucapan pada pagi ini, bagi menandakan pembukaan ulangan kedua BDMW. Kepada semua tetamu antarabangsa kami, saya juga mengalu-alukan kedatangan awda ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

BDMW tahun ini juga sempena Sambutan Hari Maritim Sedunia tahun ini yang disambut di peringkat antarabangsa pada 25 September. Hari itu digunakan untuk memberi tumpuan kepada kepentingan keselamatan perkapalan, sekuriti maritim dan persekitaran maritim. Ini adalah topik yang turut dibincangkan dalam forum dan dewan pameran minggu ini. Tema BDMW 'Our Ocean, Our Obligation, Our Action' juga diadaptasi daripada tema Hari Maritim Sedunia, tetapi disesuaikan dengan fokus kita untuk mengambil tindakan.

Tema ini berfungsi sebagai panggilan kepada tanggungjawab dan cabaran untuk disampaikan. Kewajipan memberi kita tujuan. Tindakan mentakrifkan warisan yang akan kita tinggalkan. Hari ini, kita bergerak melangkaui perbualan ke arah perubahan yang berani dan boleh diukur yang akan membentuk masa depan sektor maritim dan menjamin lautan kita untuk generasi akan datang.

Alhamdulillah, sukacita saya ambil perhatian bahawa sepanjang tahun lalu Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), bekerja tanpa jemu bukan sahaja dalam menetapkan matlamat, tetapi dalam menyampaikannya. Hari ini, kita akan menyaksikan kejayaan yang dicapai yang sudah pasti akan melakarkan hala tuju ke hadapan.

Antara lain, ini termasuk pelancaran Sistem Pengurusan Trafik Kapal (VTMS) tercanggih untuk membantu memajukan keselamatan dan kecekapan pelayaran; menandatangani Biasiswa Kadet untuk membina tenaga kerja maritim Brunei yang mantap; dan demonstrasi yang mempamerkan pendigitalan perkhidmatan MPABD dan pemantauan jarak jauh peralatan Bantuan Marin untuk Navigasi sebagai sebahagian daripada fasa seterusnya perjalanan pemodenan mereka.

Mengenai keselamatan dan sekuriti, fasa pertama peningkatan VTMS bermula hari ini dan akan siap menjelang akhir 2025. Fasa dua dijadualkan siap pada 2026 di mana MPABD komited untuk mengurangkan dan akhirnya mencapai sifar insiden navigasi utama setiap tahun dan mengurangkan separuh insiden kecil, melalui pematuhan yang lebih kukuh terhadap Kod Keselamatan Kapal dan Kemudahan Pelabuhan Antarabangsa, latihan mencari dan menyelamat bersama yang kerap, dan sistem navigasi lebih maju.

Seperti yang juga disebut oleh Setiausaha Agung IMO (Pertubuhan Maritim Antarabangsa) dalam perutusan videonya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Jun tahun ini, telah mendepositkan instrumen penyertaannya kepada Konvensyen mengenai Kemudahan Trafik Maritim Antarabangsa, juga dikenali sebagai Konvensyen FAL.

Konvensyen IMO FAL bertujuan untuk memudahkan dan menyelaraskan prosedur untuk pembersihan kapal, kargo, dan anak kapal untuk memudahkan perdagangan maritim antarabangsa, meningkatkan keselamatan, dan meningkatkan kecekapan pelabuhan. Bersama-sama dengan Pelancaran Maritime Single Window awal Mac tahun ini, yang menyepadukan pelbagai sistem, melalui platform digital bersepadu menunjukkan keazaman kami untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan, kemampanan, daya saing dan pertumbuhan sektor maritim kami. Kami berharap dapat mewujudkan persekitaran maritim di mana kemudahan menjalankan perniagaan adalah yang terpenting.

Sukacita saya ambil perhatian bahawa MPABD juga menyahut tugas untuk melihat bagi menambah baik lagi aspek kandungan tempatan sektor maritim.

Dengan pertumbuhan yang diperhatikan dan peluang pertumbuhan selanjutnya, industri ini mempunyai keupayaan untuk mengembangkan peluang pekerjaan yang ada untuk penduduk tempatan.

Di samping itu, MPABD juga perlu melihat untuk menilai semula dan mengekalkan keupayaannya, melalui Akademi Maritim Brunei (BMA), sebagai contoh, untuk dapat membangun dan memupuk tenaga kerja maritim berkemahiran tinggi yang menyokong dan boleh memacu kepelbagaian ekonomi kita dan usaha pembangunan mampan.

Sehubungan itu, kita akan menyaksikan penganugerahan biasiswa melalui program kadet Akademi Maritim kami. Sembilan kadet Brunei akan menerima biasiswa mereka hari ini, dan MPABD menyasarkan untuk menyokong sekurang-kurangnya 10 kadet baharu setiap tahun, dengan laluan khusus untuk memperkasakan wanita dan lelaki untuk memasuki dan berkembang maju dalam kerjaya maritim.

**>> Muka 6**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | RABU | 23 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 16 | KHAMIS | 24 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 17 | JUMAAT | 25 | 4.38 | 4.48 | 6.05 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 18 | SABTU | 26 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.15 |
| 19 | AHAD | 27 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 20 | ISNIN | 28 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 21 | SELASA | 29 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 33 26 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 26 °C | 31 25 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 32 26 °C | 31 25 °C | 33 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

15 OKTOBER 2025

## Jauhi, elakkan perbuatan buli

AGAMA Islam adalah agama yang sangat mementingkan ukhuwah dan mahabbah iaitu kasih sayang kerana ia merupakan fitrah semula jadi yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dalam naluri sentiasa insan. Melalui perasaan mahabbah inilah, Allah Subhanahu Wata'ala mengikat hati seorang mukmin dengan mukmin yang lain.

Tanpa adanya rasa kasih sayang, mungkin kita akan menjadi orang yang mementingkan diri sendiri dan tidak memikirkan mengenai kepentingan orang lain. Maka kezaliman dan penganiayaan pun boleh terjadi dan sudah pasti ia merupakan perbuatan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Sesungguhnya agama kita mengharamkan segala bentuk perbuatan zalim kerana ia adalah perbuatan keji yang termasuk dalam dosa besar apatah lagi jika yang dianiayai dan dizalimi itu ialah saudara Islamnya sendiri.

Adapun antara perbuatan zalim itu ialah buli. Buli adalah perbuatan tingkah laku agresif yang berulang dan bertujuan untuk menyakiti individu lain, sama ada dari segi fizikal, mental ataupun emosi. Gejala buli boleh berlaku di mana sahaja sama ada di rumah, di institusi pendidikan, di tempat kerja, di jalan raya, di kawasan kejiranan mahupun di dunia maya.

Sebagaimana yang terkandung di dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini yang menekankan mengenai buli di mana buli boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu pertama, buli lisan iaitu menggunakan perkataan untuk menyakiti seseorang seperti memanggil seseorang dengan nama yang menyakiti, mengusik atau mengejek, menggunakan perkataan kasar atau keras pada seseorang.

Kedua, buli fizikal iaitu bertindak kasar atau agresif kepada seseorang atau benda kepunyaannya seperti memukul, mengambil wang atau barang berharga seseorang, melontar sesuatu, memusnahkan harta atau barang kepunyaan seseorang.

Ketiga, buli sosial iaitu menyakiti seseorang dengan menyebabkan kemudaratan ke atas orang lain seperti menyebarkan khabar angin mengenai seseorang, meminta orang lain agar tidak berkawan dengan seseorang dan mengasingkan atau memulaukan seseorang daripada kumpulan.

Keempat, buli siber iaitu buli melalui penggunaan komputer, telefon bimbit atau apa jua pun media elektronik yang lain.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mengajar kita untuk menjadi seorang hamba yang sentiasa taat kepada perintah-Nya, saling menghormati sesama manusia dan berkasih sayang antara satu sama lain. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dengan perbuatan menzalimi seperti buli mestilah sedar bahawa setiap perbuatan dan amalan kita di atas muka bumi ini akan dinilai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, daripada sekecil-kecil perbuatan hingga sebesar-besar perkara.

Marilah kita mentarbiah diri kita, keluarga dan masyarakat dengan saling menasihati dan tegur-menegur terhadap perbuatan yang membawa kepada dosa dan maksiat, apatah lagi yang membawa kepada perbuatan zalim dan penganiayaan seperti buli. Gunakanlah akal fikiran yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan wajar dan sebaik-baiknya. Jauhilah dan elakkanlah perbuatan buli. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Majlis Kesyukuran sempena selesainya projek penambahan Masjid Salambigar

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menandatangani plak perasmian sebagai simbolik kepada selesainya projek penambahan bangunan berkenaan (atas). Manakala gambar bawah, penambahan ruangan baharu pada masjid tersebut.



YANG Berhormat semasa menyaksikan pameran pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Projek penambahan bangunan baharu Masjid Kampung Salambigar telah siap sepenuhnya pada 19 Jun 2025, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha mempertingkatkan kemudahan infrastruktur masjid demi kesejahteraan para jemaah dan masyarakat setempat.

Penambahan berkenaan meningkatkan lagi kapasiti keseluruhan masjid untuk menampung kira-kira 700 jemaah, khususnya bagi pelaksanaan Sembahyang Fardu Jumaat dan Sembahyang Sunat Hari Raya.

Antara kemudahan tambahan yang disediakan termasuklah Bilik Pengurusan Jenazah, Bilik Serbaguna, tandas, serta tempat berwudhu bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada para jemaah. Projek penambahan bangunan baharu berkenaan menelan anggaran kos melebihi BND900,000.

Penambahan bangunan masjid berkenaan adalah hasil sumbangan derma dan wakaf daripada orang ramai, para jemaah masjid serta syarikat-syarikat tempatan melalui Tabung Derma bagi Pembinaan Bangunan Tambahan Masjid Kampung Salambigar.

Sumbangan berkenaan melambangkan semangat keprihatinan dan kebersamaan masyarakat dalam menyokong pembangunan rumah Allah demi manfaat bersama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matersad, AJKT Masjid Kampung Salambigar.

Diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Imam Masjid Kampung Salambigar, Awang Haji Abdul Halim bin Haji Bungsu, selaku Pengerusi bersama Ahli Jawatankuasa Bangunan Tambahan Masjid Kampung Salambigar.

Sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan dalam menjayakan pembangunan serta pengimarahan masjid, majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada imam-imam yang telah berkhidmat di masjid berkenaan, Ahli Jawatankuasa Bangunan Tambahan Masjid, AJKT dan jasa para penderma serta kontraktor yang terlibat.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penandatanganan plak perasmian sebagai simbolik kepada selesainya projek penambahan bangunan berkenaan.

Majlis diakhiri dengan menyaksikan pameran yang memaparkan perjalanan serta maklumat tentang pembangunan masjid berkenaan. Penambahan kemudahan dan ruang baharu berkenaan diharap dapat mempertingkatkan lagi keselesaan para jemaah serta memperluas peranan masjid, bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat aktiviti keagamaan, pendidikan dan kemasyarakatan.

Kejayaan projek berkenaan turut mencerminkan semangat kerjasama dan keprihatinan masyarakat setempat dalam menyokong usaha pembangunan institusi masjid di Negara Brunei Darussalam.

# HARGAI PERANAN FARMASI DALAM MAJUKAN KESIHATAN, KESEJAHTERAAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said








YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Jerudong Park Medical Centre (JPMC) hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Farmasi Sedunia 2025 (atas kiri dan atas tengah). Sementara gambar atas kanan, Pengurus Farmasi JPMC, Stephanie Lee semasa berucap.

>> Muka 1

"Setiap hari, kami kakitangan farmasi bekerja tanpa henti, sering berada di belakang tabir bagi memastikan penyampaian penjagaan kesihatan berjalan lancar. Di sebalik setiap ubat yang awda terima adalah pasukan profesional yang berdedikasi, teliti dalam penyediaan, memeriksa, memastikan keselamatan, ketepatan dan penjagaan setiap pesakit.

"Apabila kita memikirkan farmasi, kita harus melangkaui gambaran tentang ubat dan preskripsi. Kita perlu memikirkan kesihatan, pencegahan dan penjagaan. Ahli farmasi adalah pendidik, kaunselor, membimbing kita melalui perjalanan kesihatan dengan empati dan kepakaran," jelas beliau lagi.

Beliau seterusnya menambah, dalam menghadapi cabaran penjagaan kesihatan, tugas ini sering menjadi tenaga kerja yang tidak kelihatan sebagai tulang belakang kepada penjagaan berkualiti namun ia memperkasakan komuniti untuk mengawal kesihatan mereka.

Hari Farmasi Sedunia berfungsi sebagai peringatan akan sumbangan yang tidak ternilai oleh ahli farmasi dan pasukan farmasi dalam memastikan penjagaan kesihatan yang selamat, berkesan dan mudah diakses oleh semua.

JPMC kekal komited dalam menyokong bidang farmasi serta menggalakkan penambahbaikan berterusan dalam hasil rawatan pesakit

# Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 Tahun

## Daerah Brunei dan Muara

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**>> Muka 1**

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Mohd. Afif bin Dato Seri Setia Haji Japar.

Ini diikuti dengan seramai 79 orang Pasukan Pembawa Bendera NBD bergerak masuk dengan diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei dan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang dinyanyikan oleh Pasukan Koir Sekolah Menengah Berakas.

Upacara disempurnakan dengan penurunan Bendera Besar NBD yang berukuran 3.7m x 7.5m yang diserahkan oleh Ketua Perbarisan Anggota Tentera Laut Diraja Brunei kepada tetamu kehormat.

Turut hadir pada upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 yang terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pihak swasta.

Upacara Penurunan Bendera Besar NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera peribadi bagi pengiran-pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran serta bendera NBD bagi orang ramai termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan.



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan upacara tersebut (atas). Sementara gambar kiri, Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam berlangsung di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

## Daerah Tutong

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Isnin, 13 Oktober. - Upacara penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi Daerah Tutong berlangsung di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat di upacara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong; pegawai-pegawai kanan kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Masjid Kampung Penabai Tutong, Awang Muhd. Abu Afiqah bin Lamit.

Upacara diteruskan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan upacara menurunkan Bendera NBD oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Acara kemudian disusuli dengan penyerahan bendera NBD oleh Pasukan Polis Diraja Brunei kepada tetamu kehormat.

Upacara Penurunan Bendera NBD ini menandakan berakhirnya pengibaran bendera bagi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat di upacara tersebut (kanan).**





**PENYERAHAN bendera Negara Brunei Darussalam oleh Pasukan Polis Diraja Brunei kepada tetamu kehormat (atas), manakala gambar kanan, upacara tersebut berlangsung di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.**

# Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 Tahun

## Daerah Belait

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

**KUALA BELAIT**, Isnin, 13 Oktober. - Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (NDB) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait telah sempurna dilaksanakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait, di sini.

Hadir menyaksikan upacara penurunan bendera tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat.

Turut hadir Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-79, Tahun 2025, bagi Daerah Belait; ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung; wakil-wakil dari pihak swasta; serta wakil dari persatuan-persatuan.



Upacara penurunan bendera dimulakan dengan Pasukan Penurunan Bendera NBD bergerak masuk, terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan seterusnya nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Sejurus itu, bendera yang telah berkibar dari 1 Julai 2025 diturunkan oleh Pasukan Penurunan Bendera NBD dan kemudian diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan Kuala Belait, Awang Muhammad Saifuddin bin Haji Ahmad.

Dengan penurunan bendera ini, menandakan bahawa selesainya pengibaran bendera di jalan-jalan raya utama, premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah, di seluruh negara.

Sehubungan itu, orang ramai khususnya penduduk di Daerah Belait hendaklah menurunkan bendera mereka serta melipatnya dengan kemas dan rapi serta menyimpannya di tempat bersesuaian dan menjaganya dengan baik. Mana-mana bendera yang telah rosak adalah dinasihatkan untuk menggantikannya.





**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, hadir menyaksikan upacara penurunan bendera tersebut (atas kanan), manakala gambar kanan dan kiri, sekitar majlis berkenaan.**

## Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Penurunan Bendera tersebut (atas dan atas kanan).**

**TEMBURONG**, Isnin, 13 Oktober. – Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bagi Peringkat Daerah Temburong telah diadakan di Kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Penurunan Bendera tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bagi Peringkat Daerah Temburong.

Juga hadir, ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong, Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Zaini, diikuti dengan Lagu Kebangsaan NBD. Majlis kemudiannya diteruskan dengan Upacara Penurunan Bendera NBD dan penyerahan bendera tersebut kepada tetamu kehormat majlis.

Upacara Menurunkan Bendera NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah kediaman semua rakyat dan penduduk di NBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.





**UPACARA tersebut diadakan di Kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar (kanan).**

# KEMAMPANAN, INOVASI TERAS UTAMA KETAHANAN EKONOMI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 Oktober. - Di seluruh dunia, ekonomi global terus menghadapi cabaran yang sentiasa berubah.

Kesan akibat pandemik, ketegangan geopolitik, perubahan iklim dan gangguan teknologi mengubah semula corak perdagangan, aliran pelaburan dan tingkah laku pengguna.

Perkembangan berkenaan menekankan keperluan untuk sesebuah ekonomi bukan sahaja berdaya saing, malah berdaya tahan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Perniagaan, Ekonomi dan Kewangan (ICBEF 2025) Ke-5 yang berlangsung di The Empire Brunei.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), ketahanan hari ini bermaksud keupayaan untuk menjangka dan menyesuaikan diri terhadap perubahan, dan ia memerlukan inovasi, kemampanan dan institusi kukuh yang boleh mengurus ketidaktentuan dan merebut peluang yang ada.

"Bagi ekonomi kecil dan terbuka seperti Negara Brunei Darussalam (NBD), cabarannya adalah untuk mengharungi perubahan tersebut dengan memastikan pertumbuhan kekal mampan dan berpandangan jauh ke hadapan," ujar Yang Mulia.

"Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, inovasi dan kemampanan sentiasa menjadi prinsip panduan pembangunan negara.

"Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan inisiatif dan dasar yang menyokong kepelbagaian ekonomi, memupuk inovasi dan menggalakkan kemampanan merentas semua sektor ekonomi.

"Visi ini digariskan dengan jelas dalam Pelan Induk Ekonomi Brunei, yang mengiktiraf bahawa kemajuan yang kita capai hari ini tidak seharusnya mengorbankan kepentingan generasi akan datang," ujar Yang Mulia.

Yang Mulia seterusnya menambah, komitmen berkenaan terserlah dalam beberapa projek nasional berimpak tinggi. Pada bukan Ogos yang lalu, kerajaan melalui Khazanah 1, memulakan pembangunan loji janakuasa solar berkapasiti 30 megawatt (MW) di bekas tapak pelupusan sampah di Kampung Belimbing.

Apabila mula beroperasi pada penghujung 2026 kata Yang Mulia lagi, projek berkenaan dijangka dapat menjana lebih 64,000MW-jam elektrik bersih setiap tahun.

Menurut Yang Mulia lagi, perkara yang sama diberi perhatian ialah pelancaran Projek Sinar Hengyi pada 2024, yang merupakan inisiatif utama bagi mengintegrasi tenaga boleh diperbaharui ke dalam salah satu kawasan perindustrian utama negara di Pulau Muara Besar dan ia dijangka menghasilkan sehingga 48MW-*peak* tenaga bersih yang berpotensi untuk berkembang hampir 476MW-*peak*, sekali gus mengukuhkan lagi peralihan Brunei ke arah ekonomi rendah karbon.

Selain itu kata Yang Mulia, Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government - Linked Companies - GLCs) juga mengambil langkah konkrit untuk menerapkan inovasi dalam operasi mereka dan Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) turut bekerjasama dengan thyssenkrupp Uhde untuk meneroka potensi pengeluaran ammonia biru dan hijau yang akan menyokong laluan ke arah pertumbuhan industri yang mampan.

Sementara itu, jelas Yang Mulia lagi, Brunei Methanol Company (BMC), sedang giat meneroka inisiatif untuk menghasilkan metanol secara mampan dengan menggunakan biojisim, biogas atau hidrogen dengan memanfaatkan teknologi Mitsubishi Gas Chemicals.

"Kesemua projek-projek ini mencerminkan momentum yang semakin meningkat serta komitmen berterusan NBD ke arah masa depan yang rendah karbon, dipacu inovasi, yang mengukuhkan keselamatan tenaga, mengoptimumkan campuran tenaga dan membawa negara semakin hampir kepada sasaran penggunaan sebanyak 30 peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang 2035.

"Paling utama, semua itu membuktikan bahawa kemampanan dan inovasi merupakan teras utama kepada ketahanan ekonomi," ujar Yang Mulia lagi.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) ketika berucap.**

## ICBEF : Bincang ketahanan ekonomi melalui perniagaan mampan, inovasi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 Oktober. - Sekolah Perdagangan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (Universiti Brunei Darussalam School of Business and Economics - UBDSBE), dan Hibiscus EP (Brunei) BV menganjurkan Persidangan Antarabangsa Perniagaan, Ekonomi dan Kewangan (ICBEF 2025) Ke-5.

Sehubungan dengan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan persidangan berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid yang berlangsung di The Empire Brunei.

Persidangan selama dua hari berkenaan bertemakan 'Economic Resilience through Sustainable Business and Innovation' dengan mengumpulkan lebih 250 peserta, termasuk wakil daripada kementerian, agensi awam, institusi swasta dan universiti antarabangsa.

Sementara itu, Dekan UBDSBE, Dr. Wardah Azimah binti Haji Sumardi dalam ucapannya menjelaskan, kepelbagaian perspektif dan kepakaran menjadikan ICBEF 2025 bukan sekadar sebuah persidangan, tetapi platform yang dinamik untuk kerjasama rentas sempadan dan pertukaran idea sekali gus mengukuhkan peranan UBDSBE sebagai hab untuk penglibatan serantau dan global yang bermakna.

Di UBDSBE jelasnya, misi mereka adalah untuk memajukan ilmu yang memberi impak melalui penyelidikan, pendidikan dan penglibatan.

Menurutnya lagi, berpandukan kepada akreditasi AACSB dan sebagai penandatangan Prinsip-prinsip Pendidikan Pengurusan Bertanggungjawab (PRME), mereka terus menerapkan kelestarian, inovasi dan kepimpinan beretika dalam pengajaran, penyelidikan dan jangkauan mereka.

Dr. Wardah Azimah juga mengumumkan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UBD dan Hibiscus EP (Brunei) BV, memperkasa kerjasama dalam penyelidikan, latihan profesional dan pembangunan bakat.

Majlis kemudian diteruskan dengan perasmian persidangan oleh tetamu kehormat majlis.

Sejurus selepas perasmian, ucaptama bertajuk 'Renewable Energies in the Era of Global Climate Change: Challenges and Opportunities' disampaikan oleh Profesor Jinhua Zhao dari Cornell University, yang membincangkan hubungan yang semakin berkembang antara dasar awam, inovasi sektor swasta dan peralihan tenaga global, serta menekankan kepentingan tindakan yang diselaraskan untuk mencapai sasaran iklim.

Perbincangan panel bertajuk 'Building Sustainable Digital Innovation Ecosystem' kemudian menampilkan Profesor Zhao; Pengarah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Allen On Hsien Yung; dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Pembayaran Digital Kebangsaan, Awang Muhd. Hafiz Haslen. Sesi panel berkenaan dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. M Muzamil Naqshbandi dari UBDSBE.

Manakala pada sebelah petang, persidangan diteruskan dengan enam sesi selari yang membincangkan pelbagai topik, termasuk Kecerdasan Buatan (AI) dan Masyarakat, Ekonomi Kitaran dan Pertumbuhan Mampan, Kewangan Mampan, Pembangunan Bandar, Keusahawanan Komuniti dan Sosial, serta Inovasi Digital dan Kelestarian.

Sesi - sesi berkenaan menampilkan penyelidikan daripada kalangan ahli akademik dan pengamal yang komited dalam memajukan ekonomi yang mampan berasakan inovasi.

ICBEF 2025 menampilkan lebih daripada 70 pembentangan kertas kerja merentasi 20 sesi bertema, dengan perbincangan merangkumi AI, keusahawanan, ekonomi hijau dan transformasi digital.

Persidangan tahun ini disokong oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Universitas Padjadjaran (Republik Indonesia), Silpakorn University (Thailand), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Malaysia), dan GoMamam sebagai penaja, dengan Hibiscus EP (Brunei) BV sebagai penganjur bersama dan rakan kongsi utama.





**DEKAN UBDSBE, Dr. Wardah Azimah binti Haji Sumardi ketika menyampaikan ucapannya (kiri sekali), manakala gambar kiri, salah seorang daripada pembentangan-pembentangan yang mengambil tempat di persidangan tersebut.**

## HALUAN

>> Muka 2

Program yang terpuji dan bermakna ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan industri maritim yang berkembang maju yang selamat dan mampan. Ini penting, kerana logistik, termasuk logistik maritim, memainkan peranan penting untuk menyokong keperluan logistik sedia ada dan semakin berkembang dalam menyokong usaha kepelbagaian negara kita.

MPABD akan bekerjasama dengan BMA untuk menyampaikan latihan bertauliah merentasi operasi VTMS, sokongan pemanduan, kejuruteraan marin dan operasi maritim digital, menyediakan kadet berbakat untuk masa depan yang dinamik dan dipacu teknologi.

Memandang ke hadapan, kami meletakkan asas untuk landskap logistik yang ditakrifkan oleh kecekapan, kesalinghubungan dan pertumbuhan. Pembesaran Pelabuhan Muara yang dirancang, Operasi Kapal-ke-Kapal yang dipertingkatkan, *lay-up*, *bunkering*, dan logistik marin boleh meletakkan Brunei sebagai pelaburan menarik dan rakan kongsi yang dipercayai dalam perdagangan serantau sambil memperkemas pelayaran rentas sempadan dengan jiran serantau kita untuk kesalinghubungan yang lancar.

Hala tuju kita adalah jelas, kita semua perlu memperjuangkan pengawasan laut kita dan pemodenan sistem kita, menyelesaikan penemuan audit, mengukuhkan Akta MPABD dan Merchant Shipping Order, dan menyelaraskan dengan pemudahan IMO dan piawaian data terkini.

Jadikan BDMW ini lebih daripada satu majlis tahunan. Biarlah ia dijadikan sebagai pemangkin kepada kemajuan sektor maritim kita. Saya menggesa setiap perwakilan untuk terlibat secara aktif, menggunakan sepenuhnya panel dan pakar, dan menjalin perkongsian strategik.

Dengan menjadikannya penentu di mana idea bertukar menjadi projek, projek yang mencipta peluang dan peluang yang boleh mengukuhkan kedudukan NBD sebagai operasi maritim yang selamat, cekap, mampan dan ditadbir dengan baik.

Bagi NBD, sektor maritim adalah nadi ekonomi kita. Ia memudahkan perdagangan, menarik perkhidmatan bernilai tinggi, mengukuhkan daya tahan negara, meningkatkan hubungan penting dan mewujudkan kerjaya yang bermakna dan sedia masa depan untuk kakitangan kita.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan kami yang berdedikasi di MPABD, rakan-rakan kami di sektor kerajaan, industri, akademia, serta komuniti maritim global atas sumbangan dan komitmen awda yang berharga.

*Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# SEDEKAH, AMALAN YANG MAMPU DIBUAT OLEH SESIAPA SAHAJA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said




>> Muka 1

Semasa forum itu, para ahli panel juga mengetengahkan bahawa amalan sedekah tidak terhad hanya kepada orang yang mempunyai harta atau wang ringgit sahaja, malah amalan sedekah adalah amalan yang mampu dibuat dan boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja.

Forum tersebut dipengerusikan oleh Penolong Kanan Profesor dan Dekan Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Azme bin Haji Matali bersama tiga orang ahli panel iaitu Pensyarah UNISSA, Dr. Seri Ramizah binti Matussin; Penolong Ketua Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Mohamad Sofian bin Awang Tengah; dan Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Turut hadir ialah Ahli-Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas; Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, juga Ketua Kampung Lumapas 'B'; Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok; Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Juga hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu 2025, Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad selaku Ketua Urusetia Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai - pegawai kanan; pegawai dan kakitangan kerajaan; para jemputan khas; Penghulu Mukim, Ketua Kampung serta Majlis Perundingan Kampung; belia-belia masjid, muslimah; pihak swasta; pensyarah - pensyarah serta penuntut-penuntut dari institut pengajian tinggi.

Forum mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 400 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk pegawai kerajaan, belia, ahli akademik dan masyarakat setempat.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir Yang Berhormat Ahli-ahli MMN (atas). Manakala gambar atas kiri dan bawah, suasana pada majlis tersebut.



# Majlis Maulid Akbar semarakkan Sambutan Penubuhan Jabatan Penjara ke-71





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Maulid Akbar Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Yang Ke-71, Tahun 2025 (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penjara



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa menyampaikan Ceramah Khas.

**MARABURONG**, Isnin, 13 Oktober. - Jabatan Penjara buat julung kalinya mengadakan Majlis Maulid Akbar Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Yang Ke-71, Tahun 2025 bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Latihan Jabatan Penjara, di sini.

Penganjuran Majlis Maulid Akbar ini merupakan salah satu inisiatif murni Jabatan Penjara dalam usaha memperkukuhkan syiar islam serta menyemarakkan kecintaan terhadap Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Turut hadir ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara, Rakan-Rakan Seliaan, Resident Pusat Al-Islah, ahli keluarga penghuni dan penghuni-penghuni penjara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Guru Ugama Institusi Penjara Maraburong Fasa III, Muhd. Yusri bin Othman, diikuti dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, dan Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi Dahri.

Acara juga diserikan dengan persembahan Qasidah daripada Majlis Selawat Al-Muslihun yang terdiri daripada penghuni-penghuni penjara.

Turut sama menjayakan majlis ialah rakan-rakan penyumbang termasuk Ikhlas Global Tour and Travel, An Naafi and Co., Kumpulan Amal Jariah, Nurhayaana Enterprise, Kumpulan Babusalam, Ikhlas by Wafi Beverages, Broadcast Media Production dan Iris Capture Co.

Selain menjadi wadah kerohanian bagi seluruh warga Jabatan Penjara, majlis yang penuh makna ini turut memberikan ruang serta peluang berharga kepada para penghuni dan bekas-bekas penghuni penjara untuk terus memperbaiki diri, memperkukuh keimanan serta memperkasa kehidupan mereka melalui penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti keagamaan dan kerohanian yang dianjurkan.

Usaha ini mencerminkan komitmen Jabatan Penjara dalam membentuk insan yang berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Penganjuran majlis ini juga bertujuan untuk membantu penghuni dan bekas penghuni penjara menyesuaikan diri serta menjalani kehidupan yang lebih baik selepas dibebaskan.

Pada masa yang sama, ia diharapkan dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat melalui pelbagai pendekatan dan aktiviti yang telah dirancang oleh jabatan ini.

Sesungguhnya, Majlis Maulid Akbar ini juga menjadi manifestasi sokongan moral dan rohani kepada para penghuni dan bekas penghuni penjara dalam usaha mereka membina semula kehidupan, di samping memperkukuhkan hubungan serta jalinan silaturahim antara Jabatan Penjara dan masyarakat umum.

# MEMPERKUKUH TADBIR URUS PERKHIDMATAN AWAM DALAM MENDEPANI MASA HADAPAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri




**SESI bergambar ramai pada Persidangan ASEAN yang berlangsung pada 7 Oktober 2025 di Sunway Resorts Hotel, Selangor.**

**SELANGOR**, Isnin, 13 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Persidangan ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam Yang Bersedia Menghadapi Masa Hadapan bertemakan 'Keterangkuman dan Kemampanan' yang berlangsung pada 7 Oktober 2025 di Sunway Resorts Hotel, Selangor, Malaysia anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bersempena dengan Kepengerusian ASEAN 2025.

Persidangan ini merupakan inisiatif di bawah Pelan Kerja ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM).

Persidangan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang turut menyampaikan ucaptama semasa acara tersebut.

Hadir pada persidangan tersebut ialah Ketua-ketua Perkhidmatan Awam dari Negara-negara Anggota ASEAN bagi saling bertukar pandangan dan amalan terbaik dalam memperkukuh tadbir urus Perkhidmatan Awam dalam mendepani masa hadapan dan berbincang mengenai trend terkini dan baru muncul.

Selain itu, mengupas mengenai cabaran yang mendatangkan impak ke atas tadbir urus Perkhidmatan Awam di rantau ASEAN dan menerokai pendekatan inovatif bagi membangun institusi Perkhidmatan Awam yang tangkas, beretika serta responsif terhadap keperluan masyarakat serantau.

Delegasi NBD diketuai oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman serta pegawai-pegawai dari Institut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Sesi Plenari persidangan memfokuskan kepada tiga tema utama yang berkaitan dengan Kepimpinan; Modal Insan; dan Teknologi.

Awang Ajman selaku Ketua Perkhidmatan Awam bagi NBD telah menyampaikan pembentangan mengenai usaha berterusan NBD dalam memupuk inovasi dan membina kepimpinan.

Pembentangan tersebut menekankan mengenai inisiatif strategik negara dalam merangka program - program yang berwawasan ke hadapan untuk memperkukuh keupayaan inovasi, mempertingkatkan kerjasama rentas sektor serta mempromosikan kecemerlangan kepimpinan sebagai teras utama dalam membangun Perkhidmatan Awam yang berdaya tahan dan tangkas untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Persidangan berakhir dengan pengesahan Deklarasi ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam Sedia Hadapi Masa Depan oleh ketua-ketua semua Negara Anggota ASEAN.

Persidangan selama sehari ini berakhir dengan pengesahan ASEAN Declaration on Future-Ready Public Service oleh Ketua-ketua Perkhidmatan Awam dari semua Negara Anggota ASEAN.

Deklarasi berkenaan menggariskan komitmen bersama ASEAN untuk memperkukuh institusi Perkhidmatan Awam yang berdaya tahan dan inovatif, profesional, beretika dan menerapkan teknologi terkini serta tadbir urus yang berintegriti.

Persidangan ini merupakan inisiatif di bawah Pelan Kerja ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM).

ACCSM telah ditubuhkan pada tahun 1981 dan merupakan salah satu badan sektoral (*sectoral body*) di bawah ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC), yang merupakan salah satu daripada tiga tonggak di bawah Komuniti ASEAN. ACCSM bertujuan menjadi platform untuk pertukaran maklumat serta perkongsian pengalaman dalam usaha meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.

NBD telah menjadi ahli penuh ACCSM sejak tahun 1984 dan komited untuk terus memperkukuh Perkhidmatan Awam yang adaptif, inovatif dan berdaya tahan demi memenuhi aspirasi masa hadapan serta keperluan rakyat selaras jua dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

# Memperkasa perniagaan, pengguna melalui rangka kerja standard, akreditasi kukuh

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), telah memperingati Hari Standard Sedunia 2025, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan tema global 'Shared Vision for a Better World'.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, selaku Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (MSABD).

Semasa majlis perasmian berkenaan, beliau turut melancarkan logo baharu MSABD dan PSABD yang melambangkan komitmen NBD dalam membina identiti kebangsaan yang diyakini dalam bidang standard, akreditasi dan inovasi.

Terdahulu, Pemangku Pengarah PSABD, Dayangku Hajah Nadiah Annasyitah binti Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya antara lain menekankan bahawa standard merupakan asas yang tidak kelihatan tetapi amat penting dalam membentuk kepercayaan, kualiti dan keselamatan, yang menjadi tunjang kepada aspirasi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Beliau turut mengongsikan bahawa NBD giat membangunkan piawaian kebangsaan yang dikenali sebagai Piawai Brunei Darussalam (PBD) dan setakat ini, pelbagai PBD telah dibangunkan merangkumi bidang keselamatan makanan, pertanian, pembuatan dan pembungkusan, bagi menyokong industri tempatan, melindungi pengguna serta memastikan produk tempatan berdaya saing di peringkat global.

Sesi seminar di sebelah pagi yang bertemakan 'Exploring the Benefits of Standards and its Contribution to Sustainable Development Goals', telah pun menampilkan beberapa penceramah dari PSABD, Jabatan Standard Malaysia (JSM), Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) serta Autoriti Makanan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Food Authority - BDFA).

Dalam sesi berkenaan, para agensi berkongsi pandangan mengenai pembangunan PBD, pengalaman Malaysia dalam memanfaatkan piawaian untuk perdagangan, serta kepentingan piawaian keselamatan dan makanan dalam melindungi kesihatan awam dan alam sekitar, di samping sumbangan usaha-usaha berkenaan terhadap pencapaian SDGs.

Sementara itu, forum pada sebelah petang pula bertemakan 'Standards Driving MSMEs : Building Stronger Businesses for Wawasan 2035' dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), MOFE, Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, selaku Timbalan Pengerusi MSABD.

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Pematuhan dan Antarabangsa di SHENA, Dayang Nadiah Hanim binti Haji Md. Salleh.

Forum berkenaan menampilkan ahli panel dari PSABD, Dewan Perniagaan dan Perindustrian NBD (NCCIBD), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), serta wakil daripada syarikat tempatan, iaitu SPHI Foods (Satay Haji Ibrahim) dan Serikandi Group of Companies. Para panel telah berkongsi pengalaman, cabaran dan manfaat dalam mematuhi standard antarabangsa.

Forum diakhiri dengan seruan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mengamalkan standard sebagai peluang ke arah pertumbuhan dan ketahanan perniagaan.

Peringatan Hari Standard Sedunia 2025 berkenaan sekali lagi menegaskan tumpuan strategic PSABD dalam memperkasa perniagaan dan melindungi pengguna melalui rangka kerja standard dan akreditasi yang kukuh, sebagai langkah penting ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



**SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**



**SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.**

# MENGURANGKAN KOS OPERASI, MENINGKATKAN KECEKAPAN TENAGA




SESI bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Inisiatif Panel Suria Inchcape Brunei yang diadakan di Ruang Pameran Lexus Brunei.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Oktober. - Inchcape Brunei menandakan kejayaan pemasangan sistem PV Solar melalui inisiatif Panel Solar Inchcape Brunei dan ia menyerlahkan komitmen NBT Brunei terhadap perjalanan kemampanan jangka panjang dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, menjadi syarikat automotif pertama di negara ini yang memasang panel solar atas bumbung di premis mereka.

Sehubungan dengan itu, pagi tadi Majlis elancaran Inisiatif Panel Suria Inchcape Brunei telah diadakan bertempat di Ruang Pameran Lexus Brunei.

Antara tetamu yang hadir pada majlis berkenaan, Presiden Inchcape Brunei, Awang Haji Ahmad bin Haji Husin; Penolong Pengarah, Bahagian Peralihan Tenaga di Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Salam bin Haji Abdul Wahab; para pegawai kerajaan, para pemimpin kanan Inchcape Brunei dan Pasukan Kepimpinan Inchcape Brunei, serta para perwakilan media.

Sistem PV Solar telah dipasang di dua lokasi utama, iaitu di Ruang Pameran dan Pusat Servis Lexus di Gadong sebanyak 144 panel dan Ruang Pameran dan Pusat Servis Toyota di Beribi sebanyak 224 panel.

Pemasangan berkenaan akan menjana sejumlah besar tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan pelepasan karbon dioksida dengan anggaran 100 hingga 156 metrik tan.

Dengan penggunaan tenaga suria ke dalam operasi harian, inisiatif berkenaan juga dihasrat agar dapat mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan tenaga. Di samping matlamat alam sekitar, inisiatif berkenaan juga sejajar dengan matlamat kelestarian Negara Brunei Darussalam dan Wawasan Brunei 2035.

Komitmen NBT Brunei terhadap kelestarian bermula lebih sedekad yang lalu. Sejak itu, ia telah berada di barisan hadapan dalam inovasi hibrid, dengan mendahului sebagai Home of the Hybrid EVs dengan lebih 1,000 kenderaan hibrid terjual.

Rangkaian model hibridnya juga memberi pelepasan yang lebih rendah dan kecekapan bahan bakar yang lebih tinggi, menawarkan pelanggan cara yang lebih bijak dan lebih mampan untuk memandu.

Pelaburan solar dan kepimpinan dalam teknologi hibrid yang berjalan sejajar telah mencerminkan tekad untuk memacu inovasi, melindungi alam sekitar dan membentuk masa depan yang lebih bersih dan mampan.

Naib Presiden Inchcape Brunei, Awang Muhammad Clovien bin Abdullah Timpoh dalam ucapannya menekankan bahawa mereka amat berbesar hati dan berbangga dengan kejayaan berkenaan.

Jelasnya, dalam keberhasilan menyepadukan tenaga suria ke dalam operasi mereka merupakan langkah penting bagi komitmen berterusan mereka untuk mempromosi dan mengamalkan kelestarian alam sekitar.

"Ini hanyalah sebahagian daripada perjalanan panjang, dan kami akan terus memimpin dengan memberikan contoh teladan dalam teknologi hijau, amalan mampan dan meningkatkan kesedaran serta penglibatan kami bersama kakitangan, pelanggan dan orang ramai," ujarnya lagi.




ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

# Kempen Derma Darah pada 15, 18 Oktober ini

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Rabu<br>15 Oktober 2025<br>10.00 pagi hingga 2.00 petang | Pusat Pengasingan Kebangsaan Hospital PMMPMHAMB, Tutong<br>Sempena Sambutan Ulang Tahun<br>JabatanBomba Dan Penyelamat Ke – 65<br>Anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat |
| Sabtu<br>18 Oktober 2025<br>9.00 pagi hingga 11.30 pagi &<br>1.30 petang hingga 3.30 petang | Aras Bawah, Setia Point, Kg Jaya Setia, Berakas<br>Sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran<br>Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke – 55<br>Anjuran Jabatan Bandaran |

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Oktober. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah pada 15 dan 18 Oktober 2025 ini.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah pada Rabu, 15 Oktober 2025 akan diadakan di Pusat Pengasingan Kebangsaan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-65 anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Kempen tersebut akan diadakan bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Manakala pada Sabtu 18 Oktober 2025, akan diadakan di Aras Bawah, Setia Point, Kampung Jaya Setia, Berakas sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 anjuran Jabatan Bandaran.

Kempen akan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung pada jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.

# Produk makanan Chicken Sisig with Calamansi diragui

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) ingin memaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES telah menerima aduan berhubung dengan produk makanan Chicken Sisig with Calamansi, Jenama Purefoods.

Susulan daripada aduan berkenaan, pemeriksaan telah dijalankan ke atas produk berkenaan dan hasilnya mendapati bahawa produk tersebut disahkan mengandungi daging ayam yang sumber serta status halalnya adalah diragui, memandangkan produk tersebut tidak mempunyai pengiktirafan halal dari mana-mana Badan Pensijilan Halal yang diiktiraf.

Sehubungan itu, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES menasihatkan pemilik perniagaan yang menjual produk Chicken Sisig with Calamansi, keluaran Purefoods-Hormel Company, Inc. Philippines supaya segera mengasingkan produk berkenaan dan tidak mempamerkannya di ruangan jualan yang terdedah kepada orang awam.

KHEU juga ingin mengingatkan kepada semua pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk makanan serta barang gunaan di negara ini agar sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk dan barang gunaan import yang dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan produk yang halal dan suci tidak bercampur atau diletakkan bersama dengan produk yang tidak halal, demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini daripada terjebak menggunakan produk dan barang gunaan yang tidak halal.

Di kesempatan ini, KHEU ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat dan keprihatinan mereka mengenai perkara ini.

Orang ramai yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat tentang penjualan produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan bolehlah menghubungi Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES melalui talian +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah




CHICKEN Sisig with Calamansi, Jenama Purefoods telah didapati disahkan mengandungi daging ayam yang sumber serta status halalnya adalah diragui.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# Wasiat Bertulis Menurut Syara'

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**ISLAM** menganjurkan umatnya untuk berwasiat kerana ia memiliki pelbagai hikmah. Antara hikmah berwasiat ialah seseorang dapat menunaikan kewajipannya yang tidak sempat ditunaikannya ketika hidup serta dia dapat menginfakkan sebahagian hartanya untuk mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah Ta'ala agar dia dapat meraih pahala di akhirat kelak.

Wasiat merupakan salah satu perkara yang disyariatkan dalam Islam. Pelaksanaan wasiat hendaklah mengikut cara yang telah diaturkan oleh syara' agar wasiat tersebut sah di sisi syara' dan dapat dilaksanakan. Menurut para ulama, wasiat tidak akan terlaksana melainkan berlaku *ijab* daripada pewasiat. *Ijab* dalam wasiat ialah apa yang menunjukkan pemberian milik setelah kematian. *Ijab* wasiat itu boleh dilaksanakan dengan cara ucapan, isyarat atau tulisan.

Berwasiat dengan cara tulisan merupakan cara yang biasa dilaksanakan di kalangan masyarakat dan cara tulisan itu tidak ada kekurangan jika dibandingkan dengan lafaz dalam menerangkan kehendak seseorang, bahkan ia lebih sabit dan lebih kuat ketika terdapat keperluan kepada pensabitan. Berkenaan wasiat dengan cara tulisan ini, terdapat beberapa panduan agar wasiat tersebut sah dan boleh dilaksanakan menurut syara'.

*Ijab* wasiat dengan cara tulisan merupakan wasiat secara *kinayah*. Wasiat secara *kinayah* bermaksud apa yang membawa makna wasiat dan selainnya. Maka wasiat yang dilakukan pewasiat dengan cara tulisan hanya sah jika ia disertai dengan niat wasiat walaupun wasiat yang ditulis itu jelas menunjukkan ia adalah wasiat.

*Ijab* wasiat dengan cara tulisan itu sah dilakukan walaupun oleh orang yang mampu bercakap. Imam al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Mu'in berkata :

**Ertinya** : *Dan (wasiat dengan cara) tulisan adalah (wasiat secara) kinayah, maka sah wasiat dengannya (tulisan) berserta niat (pewasiat) walaupun (wasiat bertulis itu) dari orang yang mampu bercakap.*

Sebagai contoh, sekiranya pewasiat menulis "*Rumahku ini menjadi milik Zaid selepas kematianku*" dan dia berniat wasiat dengannya, maka jadilah ia sebagai wasiat yang sah.

Namun demikian, untuk memastikan kesahan wasiat secara bertulis, hendaklah ada pengakuan secara lisan daripada pewasiat yang menulisnya sewaktu hidupnya bahawa dia telah berniat wasiat seperti katanya : '*Aku telah berniat wasiat*', atau ada pengakuan daripada warisnya setelah kematian pewasiat tersebut bahawa pewasiat yang menulisnya itu telah berniat wasiat seperti kata waris : '*Dia telah berniat wasiat ketika dia menulis wasiat ini*'. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj berkata :

**Ertinya** : *Dan hendaklah ada pengakuan mengenainya (niat wasiat) secara lisan daripadanya (pewasiat) atau daripada warisnya.*

Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam I'anah ath-Thalibin, jika tidak ada pengakuan secara lisan bahawa pewasiat yang berwasiat secara bertulis itu telah berniat wasiat, maka tidak sah wasiat tersebut sebagaimana katanya :

**Ertinya** : *Tidak sah (wasiat) dengannya (tulisan) daripadanya (pewasiat) kecuali jika dia mengakui secara lisan (bahawa dia melakukan) niat (wasiat).*

Adapun pewasiat yang tidak mampu bercakap seperti orang bisu yang melakukan wasiat secara bertulis, menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam I'anah ath-Thalibin, tidak disyaratkan baginya membuat pengakuan secara lisan bagi wasiat yang ditulisnya disebabkan keuzurannya. Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, wasiat yang ditulis oleh orang yang tidak mampu bercakap hendaklah disertai dengan niat wasiat, dan adalah memadai bagi pewasiat yang tidak mampu bercakap itu memaklumkan niat wasiatnya itu menerusi isyarat atau menerusi tulisan yang lain yang menyatakan niat wasiatnya.

Pewasiat dengan cara tulisan yang tidak membuat pengakuan secara lisan bahawa dia telah berniat wasiat, jika dia membuat pengakuan bahawa tulisan yang terdapat dalam wasiat yang bertulis itu adalah tulisannya dan isi kandungan wasiat tersebut adalah wasiatnya, maka pengakuannya itu tidak memadai sebagai pengakuan secara lisan yang menunjukkan dia berniat wasiat. Tulisan semata-mata tidak semestinya menunjukkan ada niat. Oleh itu, dia hendaklah membuat pengakuan secara lisan seperti katanya : "*Aku berniat wasiat ketika menulis wasiat ini*".

Sekiranya pewasiat yang mampu bercakap mewasiatkan suatu wasiat kepada seseorang, dan pewasiat bersaksi kepada sekumpulan orang bahawa tulisan wasiat itu adalah tulisan pewasiat dan isi kandungan tulisan itu adalah wasiat, tetapi pewasiat tidak memperlihatkan isi kandungan wasiat tersebut kepada saksi tersebut, maka wasiat yang ditulis itu juga tidak sah sebagaimana yang dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj.

Oleh itu, sekiranya pewasiat mengadakan saksi bagi wasiat secara bertulis, maka pewasiat juga hendaklah memperlihatkan isi kandungan wasiat yang ditulisnya kepada saksi agar saksi tersebut dapat memikul tanggungjawab kesaksian. Jika saksi tidak diperlihatkan oleh pewasiat akan isi kandungan wasiat yang ditulisnya, maka saksi tidak dibenarkan untuk memikul tanggungjawab kesaksian sehingga dia mengetahui isi kandungan wasiat yang ditulis itu sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, katanya :

**Ertinya** : *Dan tidak dibenarkan (menurut syara') bagi saksi (dalam) perkara memikul (tanggungjawab kesaksian) sehingga dia (pewasiat) membaca kepadanya (saksi) tulisan (wasiatnya dan saksi mengakui isi kandungannya) atau (sehingga) dia (saksi) berkata : "Aku mengetahui apa isi kandungan dalamnya".*

Sebagai kesimpulan, berwasiat secara tulisan merupakan salah satu bentuk wasiat secara *kinayah*, maka ia adalah sah jika pewasiat berniat wasiat ketika menulis wasiat dengan syarat dia hendaklah membuat pengakuan secara lisan bahawa dia telah berniat wasiat ketika menulis wasiat dan memperlihatkan isi kandungan wasiat yang ditulisnya kepada saksi-saksi.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

# Kebersihan sebahagian daripada iman

**PADA** kebiasaannya, manusia terlalu cepat menilai dari segi luaran seseorang terutama sekali dari sudut pemakaian dan penampilan seseorang, tapi lupa bahawa nilai sebenar seseorang itu berpaut pada kebersihan jiwanya. Sedangkan Islam sendiri tidak mengajar kita untuk menilai berdasarkan luaran semata-mata.

Pernahkah kita terfikir kenapa Islam meletakkan nilai yang utama pada kebersihan? Hal ini kerana kebersihan bukan sekadar satu tabiat yang baik, tetapi merupakan sebahagian daripada iman. Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Malik Al-Ash'ariy Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Kebersihan itu sebahagian daripada iman"*.

Hadis ini secara jelasnya mengingatkan kita bahawa, kebersihan dalam Islam bukanlah sesuatu yang asing, dan ia juga bukan perkara yang remeh. Bahkan ia adalah landasan utama dalam membentuk keimanan seseorang.

Oleh itu, keimanan yang sebenar bukan hanya diukur dari sudut zahir iaitu melalui ibadah yang dikerjakan oleh seseorang sahaja, tetapi juga melalui cara seseorang itu menjaga kebersihan dirinya, seperti pakaian yang digunakannya dan tempat tinggalnya, serta menjadikan pembersihan hati dan akhlak secara menyeluruh sebagai penekanan yang lebih utama dalam diri seseorang dan masyarakat.

Pada hakikatnya, kepentingan kebersihan dalam Islam bukan hanya dapat dilihat daripada hadis di atas, tetapi juga tergambar jelas pada cara penulisan para ulama terdahulu dalam kitab-kitab fiqh mereka. Contohnya, kitab al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i, Mathn Abu Suja', Fath al-qarib dan banyak lagi yang hampir kesemua karya besar dalam keilmuan Islam menyusun bab bersuci (Taharah) sebagai bahagian yang paling awal dalam kitab mereka.

Salah satu identiti masyarakat Brunei ialah kesopanan, keindahan akhlak dan kebersihan. Negara kita Brunei Darussalam sentiasa menitikberatkan nilai kebersihan kepada masyarakat, bukan sahaja dari segi penjagaan alam sekitar dan jasmani, malah turut menekankan pembersihan rohani, melalui pelbagai inisiatif seperti aktiviti gotong-royong, khidmat masyarakat dan program keagamaan seperti Malam Munajat. Usaha murni ini bukan sekadar simbolik, ia menggambarkan nilai Islam yang tertanam dalam dasar negara kita sebagai 'Negara Zikir'.

Walaupun secara fitrahnya, manusia memang cenderung menyukai kebersihan dan secara tabi'inya pula akan menjauhkan diri daripada kekotoran. Namun adakah kita benar-benar memahami apakah bentuk-bentuk kebersihan yang perlu kita jaga dengan bersungguh-sungguh menurut panduan Islam? Perkara ini mencakupi beberapa aspek penting yang perlu kita terokai dengan lebih mendalam, antaranya :

1. Bersih diri, ibadah berkat

Penjagaan kebersihan diri boleh dilihat melalui amalan mandi secara teratur, memakai pakaian yang bersih, menggunakan wangi-wangian seperti yang dianjurkan oleh sunnah. Semua ini bukan hanya mencerminkan keimanan, tetapi juga membentuk keyakinan diri dan imej yang positif seorang Muslim di mata masyarakat. Adapun contoh yang terbaik untuk kita ikuti dalam menjaga kebersihan diri, adalah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri. Baginda juga turut menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga kebersihan dalam setiap aspek kehidupan, terutama sekali ketika hendak melaksanakan ibadah kerana kebersihan merupakan syarat sah dan rukun penting agar ibadah kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiallahuanhu yang memberi penekanan bahawasanya Allah Subhanahu Wata'ala mencintai hamba-hamba-Nya yang beribadah kepada-Nya dengan memperbaiki diri dan penampilan mereka iaitu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Allah itu indah dan menyukai keindahan"*.

2. Keharmonian tempat ibadah dan persekitaran

Sebagai rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, sejak kecil lagi kita telah dididik untuk memahami dan mematuhi garis panduan, undang-undang, dan etika kehidupan yang berasaskan prinsip agama dan kebersihan.

Islam sangat menganjurkan agar tempat beribadah sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, tenang, kerana ia adalah rumah Allah, tempat kita bertemu dan bermunajat kepada-Nya. Perlu kita ketahui, bahawa kebersihan tempat ibadah seperti masjid, surau atau ruang sembahyang bukan hanya tanggungjawab petugas kebersihan, tetapi juga seluruh jemaah yang menggunakan tempat tersebut. Dengan adanya sikap pemedulian dan berganding bahu bagi menjaga kemuliaan tempat ibadah, boleh memberi impak yang besar dalam menciptakan suasana yang selesa untuk beribadah dengan khusyuk.

Begitu juga dengan kebersihan persekitaran, Islam mengajar bahawa setiap inci bumi yang kita pijak adalah amanah, maka bersihkanlah ia dengan penuh tanggungjawab kerana persekitaran yang bersih membina masyarakat yang sihat dari segi tubuh dan akal. Adapun menjaga kebersihan persekitaran bukan sahaja memberi keselesaan kepada diri sendiri dan orang lain, tetapi juga menyemai nilai kerjasama, tanggungjawab sosial, dan rasa hormat antara satu sama lain, yang mana sifat ini harus dipupuk dalam setiap lapisan masyarakat kita.

3. Kalbu yang bersih, akhlak yang indah

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab sahihnya, meriwayatkan daripada Nu'man bin Basyir Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)"*.

Jelas daripada hadis ini, wajar untuk kita renungi dan ingatkan pada diri kita sendiri, bahawa hati yang dipenuhi penyakit seperti hasad dengki, riyak dan dendam akan menghalang cahaya hidayah dan menjauhkan seseorang daripada reda Allah. Maka refleksikanlah diri kita dengan muhasabah diri dan hati setiap hari, serta menjaga pandangan dan lidah, agar terselamat daripada terjerumus dalam perbuatan *ghibah* dan fitnah. Lebih-lebih lagi di zaman yang serba canggih ini, ketika mana maklumat palsu dan fitnah mudah tersebar di hujung jari. Maka menjaga kebersihan hati dan akhlak serta tutur kata bukan lagi pilihan tapi menjadi kewajipan.

Justeru itu, zikir dan istighfar juga perlu diperbanyakkan dalam hidup seharian kita, kerana zikir boleh menyuburkan hati dan melembutkan akhlak seseorang. Di samping itu, pembersihan hati dan akhlak bukan hanya sekadar mempercantikkan jiwa, tetapi ia merupakan jihad yang terdapat di dalamnya ganjaran pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, sebagai sebuah negara yang berteraskan ajaran Islam dan berpegang dengan falsafah Melayu Islam Beraja, masyarakat Brunei Darussalam berperanan untuk memelihara budaya hidup yang bersih agar negara kita terus menjadi contoh sebuah masyarakat yang bukan sahaja ingin maju, bahkan bersih pada zahir dan batinnya. Tambahan lagi, nilai perpaduan dalam memperbaiki akhlak dan sikap prihatin terhadap persekitaran juga selari dengan hasrat wawasan negara kita 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Semoga dengan bukti prihatin cinta kita kepada negara, menghasilkan negara kita bersih, maju, aman makmur dan diberkati.

# PESTA KONVO RAIKAN PENCAPAIAN GRADUAN IBTE







PEGAWAI Eksekutif Datastream Digital Sendirian Berhad (DST) selaku ahli Lembaga Pengelola IBTE, Awang Radin Sufri bin Radin Basuni hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pesta Konvo IBTE 2025 bersempena Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-33 yang berlangsung di Dewan Sepakat 3, Pusat Persidangan Antarabangsa (gambar-gambar di atas).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Selasa, 14 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menganjurkan Majlis Perasmian Pesta Konvo IBTE 2025 bersempena Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-33 yang berlangsung di Dewan Sepakat 3, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Pegawai Eksekutif Datastream Digital Sendirian Berhad (DST) selaku ahli Lembaga Pengelola IBTE, Awang Radin Sufri bin Radin Basuni.

Pesta konvo tersebut diadakan bagi meraikan pencapaian para graduan melalui pelbagai program termasuk aktiviti keagamaan dan pertandingan sukan.

Antara acara utama dalam Pesta Konvo tahun ini termasuk Pesta Kerjaya IBTE 2025 melibatkan 30 buah syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan khusus untuk graduan dan alumni IBTE.

Pada tahun lepas, pesta kerjaya berkenaan telah dihadiri seramai 1,087 graduan dengan 322 kekosongan jawatan ditawarkan.

Selain itu, pengisian acara antara lain mengetengahkan Sesi Perkongsian Alumni IBTE, Kaunter Khidmat Bimbingan Kerjaya Percuma dan Booth Gambar Profesional Digital secara percuma untuk semua peserta.

Graduan digalakkan untuk membawa Curriculum Vitae (CV) terkini dan sijil yang relevan dalam bentuk salinan digital dan fizikal.

Klinik CV juga diadakan bagi membantu mereka yang memerlukan bimbingan tambahan.

Sementara itu, Majlis Khatam Al-Quran akan diadakan pada 21 Oktober 2025 di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba Gadong, melibatkan penyertaan seramai 341 orang graduan.

Majlis ini bertujuan untuk menzahirkan rasa kesyukuran dan meraikan kejayaan graduan IBTE.

Manakala, Pertandingan Sukan antara Kampus IBTE turut diadakan bagi mengeratkan ukhuwah dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam komuniti IBTE.

Tiga pertandingan sukan akan dianjurkan dan dibukakan kepada pegawai, kakitangan, pelajar dan alumni IBTE iaitu acara Bola Jaring pada 27 Oktober 2025 di Dewan Sukan Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD); acara Futsal pada 20 dan 21 November 2025 juga Dewan Kompleks Sukan UBD; dan acara Memanah yang julung kali diadakan pada 23 November 2025 di Kampus Jefri Bolkiah IBTE, Kuala Belait.

Pesta Konvo IBTE merupakan sambutan dan platform bagi perkembangan diri, refleksi dan peluang masa hadapan dalam usaha meraikan kejayaan warga IBTE dengan penuh semangat dan rasa syukur.



# MINDA PEMBACA

## Menjaga Hutan, Menyelamatkan Masa Depan

**HUTAN** sering dipanggil paru-paru bumi kerana mereka menyerap sejumlah besar karbon dioksida, membebaskan oksigen, menyokong biodiversiti, melindungi kawasan tadahan air, dan menyediakan mata pencarian untuk berjuta-juta orang. Walaupun nilainya sangat besar, hutan di seluruh dunia berada di bawah ancaman daripada penebangan hutan, perubahan iklim, dan eksploitasi yang tidak mampan. Menjaga hutan kita adalah keperluan untuk menjamin masa depan kita.

Salah satu cabaran paling mendesak yang dihadapi manusia hari ini ialah perubahan iklim. Hutan memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesannya. Pokok menyerap karbon dioksida ($CO_2$) gas rumah hijau utama yang bertanggungjawab untuk pemanasan global. Apabila hutan ditebang, bukan sahaja fungsi menyerap karbon dioksida ini hilang, malah karbon dioksida yang tersimpan dalam pokok dilepaskan semula ke atmosfera. Suhu global akan meningkat dengan cepat dan menyebabkan cuaca terlampau panas, kenaikan paras laut dan keruntuhan ekosistem.

Menjaga hutan adalah tanggungjawab kita kepada generasi akan datang. Tindakan yang kita ambil hari ini akan menentukan jenis bumi yang diwarisi oleh anak dan cucu kita. Jika kita terus membenarkan hutan dimusnahkan, kita membahayakan kestabilan iklim kita, kekayaan ekosistem kita, dan kesihatan bumi kita. Penjagaan hutan memerlukan kerjasama semua dari dasar global kepada komuniti tempatan. Kerajaan mesti menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi kawasan hutan dan menyokong amalan penggunaan tanah yang mampan. Perniagaan mesti mengutamakan sumber beretika dan bertanggungjawab dalam penjagaan alam sekitar. Individu boleh membuat perubahan dengan mengurangkan penggunaan produk yang dikaitkan dengan penebangan hutan, menyokong usaha pemuliharaan dan meningkatkan kesedaran.

Kesimpulannya, hutan adalah sistem sokongan hidup untuk bumi kita. Dengan melindungi hutan, kita melindungi diri kita sendiri. Menjaga hutan kita bukan sekadar memelihara alam semula jadi, ianya adalah pilihan yang mesti kita buat demi menyelamatkan masa depan kita dan masa untuk bertindak adalah sekarang.

**Nama : Nurul Huda Jeludin**
**No. K/P : 00-305XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025**
2.**'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'.** Tarikh Tutup **: 22 Oktober 2025**
3.**'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental '.** Tarikh Tutup **: 29 Oktober 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# PB TERIMA SUMBANGAN ASET TEKNOLOGI MAKLUMAT



**PENOLONG Pengarah Urusan (Pembangunan Korporat), Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada salah seorang penerima (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Oktober. - Sebagai usaha bermakna untuk menyokong pendidikan digital serta merapatkan jurang teknologi dalam kalangan pelajar, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menyumbangkan sebanyak 15 unit aset Teknologi Maklumat (IT) terpakai, yang terdiri daripada enam *managed switches*, empat *rack servers*, dua *tape libraries* dan tiga *firewalls* kepada Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (SICT), Politeknik Brunei (PB).

Sumbangan ini bertujuan untuk memperkukuhkan infrastruktur teknologi sekolah serta menggalakkan persekitaran pembelajaran digital yang lebih kondusif bagi para pelajar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di PB ialah Penolong Pengarah Urusan (Pembangunan Korporat), BDCB, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat.

Turut hadir, Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat, Awang Mohammad Soffean bin Haji Junaidi merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BDCB; Ketua Bahagian Teknologi, Dayang Siti Nur Afiqah binti DP Kolonel (B) Haji Joharie, serta pegawai-pegawai dari BDCB.

Mewakili PB ialah Penolong Pengarah (Akademik), Dayang Rahimah binti Haji Mohiddin; Pemangku Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Perkembangan), Dayang Hajah Dinah Haziqah binti Haji Johan; Pemangku Pengetua, Dayang Armah binti Tengah bersama Ketua-ketua Bahagian, Ketua SICT serta pegawai-pegawai PB.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Dayang Rahimah yang mana menekankan kepentingan kerjasama dengan BDCB dalam memupuk ekosistem pembelajaran yang lebih inovatif dan mampan.

Seterusnya, tetamu kehormat menyampaikan ucapan penghargaan dan menegaskan komitmen berterusan BDCB dalam menyokong kemajuan pendidikan dan inovasi di Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan penyerahan simbolik sebanyak 15 unit aset teknologi maklumat kepada PB oleh tetamu kehormat.

PB seterusnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan ikhlas BDCB yang diyakini akan memberi manfaat besar kepada para pelajar. Sebagai tanda penghargaan, cenderamata telah disampaikan kepada BDCB atas sokongan yang diberikan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BDCB, yang menumpukan kepada pemerkasaan pendidikan serta pembangunan masyarakat melalui inisiatif berasaskan teknologi.




**TETAMU kehormat semasa menyampaikan ucapan penghargaan pada majlis tersebut.**



Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

## Tip KESIHATAN

# Ketahanan mental, kekal positif



**KEKUATAN** dan ketahanan mental merujuk kepada idea untuk mengatasi kegagalan masa lalu dengan kekal positif dan berdaya saing. Ia juga melibatkan latihan dan mempersiapkan mental untuk menghadapi apa sahaja cabaran yang mendatang.

Apabila perkara dirancang tidak berjalan dengan lancar atau seperti yang diharapkan, kita tidak mudah kehilangan fokus atau berputus asa. Secara ringkasnya, ketahanan mental digambarkan apabila kita terus bertahan dan kekal positif melalui kesukaran yang dihadapi.

Mempunyai mental yang kuat adalah dengan tidak membiarkan tekanan hidup menjatuhkan diri, sebaliknya individu itu belajar menguruskan tekanan dengan cara yang positif, serta berupaya bangkit semula. Justeru, adakah kekuatan mental sesuatu yang boleh diasah atau kita pelajari?

**Latihan-latihan menguatkan mental**

1.**Mandi air sejuk**

a.Mandi air sejuk pun boleh menguatkan mental? Menurut pakar, ketika kita mandi air yang sejuk, akan berlaku peningkatan dalam fungsi endokrin, peredaran limfa yang meningkatkan sistem imunisasi tubuh, dan peredaran darah. Dalam tradisi senaman yoga, mandi air sejuk adalah bahagian yang disarankan dalam rutin pagi setiap hari.

b.Ia turut membantu darah ke kapilari, menguatkan sistem saraf dan membina ketahanan mental.

2.**Jangan terus makan apabila lapar, tunggu dahulu**

a.Taktik mudah yang lain untuk membina toleransi dengan perasaan tidak selesa dan kawalan impuls adalah dengan membiarkan diri awda berasa lapar tanpa mengambil makanan ringan.

b.Menurut ahli psikologi di Chicago, menahan kelaparan selama 5 hingga 10 minit sebelum makan akan membina kesabaran. Sekiranya awda berjaya menahan diri saat kelaparan, potensi untuk awda menempuh cabaran hidup dikatakan akan menjadi lebih baik.

3.**Lakukan perkara yang awda enggan lakukan (selama 10 minit)**

a.Cuba paksa diri awda untuk melakukan perkara yang tidak mahu dilakukan sama ada bersenam atau belajar sekurang-kurangnya selama 10 minit.

b.Awda dibenarkan berhenti dalam tempoh tersebut, tetapi kebarangkalian untuk meneruskannya adalah tinggi kerana proses memulakan suatu perkara adalah lebih sukar. Latihan ini bertujuan untuk melatih otak bahawa awda tidak perlu bertindak balas terhadap perasaan awda. Hanya kerana awda tidak mahu melakukannya, tidak bermakna awda tidak boleh buat.

4.**Melatih minda positif**

a.Sekiranya awda ingin meningkatkan kekuatan mental dan menguruskan tekanan dengan baik, perkara pertama yang harus dilakukan adalah memberi tumpuan untuk membina minda positif yang kuat dalam kehidupan seharian.

b.Mempunyai pemikiran yang negatif ini boleh diumpamakan seperti mendaki bukit dengan beg galas yang dipenuhi batu, pasti berat bukan?

c.Aktiviti mendaki itu sendiri sudah cukup sukar, ditambah pula dengan bebanan tambahan boleh memudaratkan malah menyekat awda daripada sampai ke puncak.

d.Kadangkala, membina ketahanan mental bukanlah hanya dengan mencabar limitasi diri tetapi untuk menyimpan kekuatan awda buat tugasan yang bersesuaian.

# SEMINAR BERI PENDEDAHAN TENTANG PEMBANGUNAN LESTARI JANGKA PANJANG

**BERAKAS**, Isnin, 13 Oktober.- Lebih 120 orang menghadiri seminar bertajuk 'Kejuruteraan Lestari: Memperkasa Masa Depan Brunei' anjuran PUJA Academy Sdn. Bhd. (PUJA Academy) dengan kerjasama Polar Marine Pte. Ltd., diadakan di Dewan Atria Simpur, Jabatan Kerja Raya, di sini.



**SEMINAR 'Kejuruteraan Lestari: Memperkasa Masa Depan Brunei' anjuran PUJA Academy Sdn. Bhd. dengan kerjasama Polar Marine Pte. Ltd. menghimpunkan para profesional industri pembinaan dan ahli akademik bagi meneroka inovasi masa hadapan dalam sektor tenaga dan pembinaan.**

Acara ini menghimpunkan para profesional industri pembinaan dan ahli akademik bagi meneroka inovasi masa hadapan dalam sektor tenaga dan pembinaan, dengan penekanan khas terhadap bagaimana amalan lestari boleh membentuk masa depan Brunei.

Selaras dengan komitmen PUJA Academy untuk memupuk generasi akan datang, seramai 15 pelajar dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan lapan pelajar dari Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan, IBTE turut serta dalam sesi ini.

Seminar ini menampilkan empat penceramah terkemuka yang berkongsi inovasi yang mendorong kelestarian dalam bidang pembinaan, tenaga, dan teknologi bersih.

Sean Zee Kwok membentangkan mengenai platform digital seperti 'Building Information Modelling' dan sistem Digital Twin, yang menunjukkan bagaimana amalan modular dan kitaran boleh mengurangkan pelepasan karbon.

Manakala Debbie Yan Hong pula mengongsikan sistem keselamatan kepala telaga yang canggih dan berkongsi kajian kes global daripada projek minyak dan gas terkemuka.

Sementara itu, Kar Chai Tan membincangkan inovasi Castrol dalam sistem bawah laut, operasi air dalam, dan cecair rendah karbon, dan Chen Xing Wen pula mengongsikan penyelesaian kejuruteraan bersepadu untuk projek petrokimia, penapisan, dan tenaga bersih, termasuk inisiatif hidrogen dan penangkapan karbon.

Melalui seminar ini, PUJA Academy mengukuhkan misinya untuk membekalkan para profesional kejuruteraan dan pembinaan di Brunei dengan amalan terbaik antarabangsa serta memberi inspirasi kepada para pelajar untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan lestari jangka panjang negara.

**Siaran Akhbar dan Foto : PUJA Academy Sdn. Bhd.**

# ROCBN akan laksanakan Inisiatif Inactive Companies Strike-Off

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Oktober. - Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat (Penggal 39) bahawa ROCBN akan melaksanakan Inisiatif Inactive Companies Strike-Off.

Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk memotong syarikat-syarikat berdaftar yang tidak aktif daripada daftar di bawah Bab 287A, Akta Syarikat (Penggal 39).

Berdasarkan peruntukan Bab 111, Akta Syarikat (Penggal 39), setiap syarikat yang berdaftar adalah dikehendaki untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Bab 107 dan 108 Akta tersebut juga menghendaki setiap syarikat yang berdaftar untuk menghadapkan Penyata Tahunan (Annual Returns) yang terkini kepada ROCBN.

Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut adalah satu kesalahan dari segi undang-undang. Mengambil kira syarikat-syarikat berkenaan tidak menghadapkan Penyata Tahunan yang terkini, maka ROCBN mempunyai sebab yang munasabah (*reasonable cause*) untuk mempercayai bahawa syarikat-syarikat tersebut tidak lagi menjalankan perniagaan ataupun tidak lagi beroperasi.

Oleh yang demikian, di bawah Bab 287A(1) Akta Syarikat (Penggal 39), Pendaftar mempunyai kuasa untuk memotong pendaftaran syarikat-syarikat berkenaan dari daftar.

Inisiatif tersebut akan bermula pada 1 November 2025 di mana ROCBN akan menghantar surat kepada syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti bagi memberikan peluang kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk menghadapkan maklum balas melalui persuratan secara rasmi.

Berpandukan Bab 287A(1), Akta Syarikat (Penggal 39), jika sekiranya tiada maklum balas diterima dalam tempoh masa 30 hari daripada tarikh surat pertama dikeluarkan, maka notis pertama akan diterbitkan di dalam Warta Kerajaan dengan tujuan untuk memotong nama syarikat berkenaan daripada daftar.

Syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengekalkan status pendaftaran adalah dinasihatkan untuk menghadapkan maklum balas secara rasmi kepada pihak ROCBN. Garis panduan bagi tujuan pematuhan akan disertakan bersama surat yang akan dikeluarkan oleh ROCBN.

Pihak ROCBN ingin memberi peringatan kepada kesemua syarikat-syarikat yang berdaftar mengenai kepentingan dalam mengekalkan pematuhan syarikat terhadap keperluan undang-undang dan peraturan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39).

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Bahagian ROCBN sama ada melalui e-mel *enforcement.rocbn@mofe.gov.bn* atau melalui telefon di talian +673 2380505 / +673 2380662 / +673 7471433.




**Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**

## Ikan Sambal Bakar Daun Pisang Kampung Menengah

**BAHAN-BAHANNYA :**

Ikan rumahan
Sedikit minyak
Bawang merah
Bawang putih
Sedikit belacan
Lada kisar
Lada merah
Gula
Garam
Sedikit udang kering
Daun pisang

**CARA-CARA MEMASAK :**

Kisar bawang merah, bawang putih, belacan, lada kisar, lada merah, udang kering. Kemudian tumis dengan minyak di dalam kuali sehingga pecah minyak. Perasakan dengan garam dan gula secukupnya. Kemudian lumurkan ikan dengan sambal yang telah dimasak dan bungkus dengan daun pisang untuk sedia dibakar di atas api.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V & VI

**Kategori:**
B01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
11 November 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
9 Disember 2025 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 29 / CQS / 2025 – T / VI

**Nama Projek:**
Penubuhan Perpustakaan Negara (Nadir) dan Galeri Kebangsaan Di Dewan Majlis (Design & Build)

**Yuran Tawaran:**
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
28 Oktober 2025 (Selasa )

**Tarikh Tutup:**
11 November 2025 (Selasa )
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 038 / 2025

**Nama Projek:**
Membaik Pulih Jalan Di Sepanjang Jalan Rasau Dari KM 2 Ke KM 3, Daerah Belait.

**No. Projek:**
2025ADKB/2106/002-001-007

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
III, IV Dan V

**Kategori:**
E01 Dan KPME05

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 4 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BP / 34 / 2025

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Penggantian Sistem Penggera Kebakaran Di Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:**
15 Oktober 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 4 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 11 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan:**
JKR / DOR / SRM 20 / 2025

**Nama Projek:**
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah – Hala Jerudong

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
Tidak Ada

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II Sahaja

**Kategori:**
MA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
28 Oktober 2025 (Selasa )

**Tarikh Tutup:**
11 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 036 / 2025

**Nama Projek:**
Membekal Dan Mengganti Condensing Units Dan Air Handling Unit Di Dewan Santap Kuala Belait.

**No. Projek:**
2025ADKB/DKB-001

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 69 / 2025 / 2026**
**(JPPE-OKT-2025)**
Renovation And Upgrading Works, Including Supply And Fix Into Place New Workbenches To Existing Science Labs At Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong District, Negara Brunei Darussalam.

**Kelas:**
III / IV
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori:**
B01

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
29 Oktober 2025 (Rabu)

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
4 November 2025 - Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 10 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Deliver And Install Indoor LED Screen For Dewan Setia Pahlawan At Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
6 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
30 Oktober 2025, Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran:**
(49) QTN / BKISHHB / 2023 / PT.1

**Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Design, Customization, Development, Integration, Testing, Verification, Commissioning And Maintenance Of BKISHHB Online Ticketing System For Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Brunei Darussalam

**Sesi Penerangan (Information Day):**
Selasa,
21 Oktober 2025

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 25 November 2025
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
III, IV & V

**Kategori:**
KA01 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 11 November 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 30 / BKTKS / 2025-T / IV

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaik Pulih Cerun Di Kawasan Penjara Jerudong

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM033 / 2025

**Nama Tawaran:**
Kerja-Kerja Membaik Pulih Lantai Laluan Jentera-Jentera Bomba, Atap dan Siling bagi Balai Bomba Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM034 / 2025

**Nama Tawaran:**
Pembinaan Stor Institut Perkhidmatan Awam

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 11 November 2025








**JABATAN PERHUTANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 004 / SH / 2558 / 2025 - 2026
Rooftop Repair And Waterproofing Works At Tropical Biodiversity Centre, Forestry Department, Ministry Of Primary Resources And Tourism. Sungai Liang, Belait District

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II-III dan Kategori Kerja KA01 – Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam atau KPB11A – Pembaikan Kerosakan Struktur Binaan atau KPB11B – Pengukuhan Struktur Binaan.

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Sebut Harga:**
BND5.00
-Tidak Dikembalikan

**Tarikh dan Jam Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERDENDAHARAAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JPKK / JKSH2526-QTN.09 / ADM
Installation Of SPC Flooring And Refix Existing Loose Glass Counter Shield For Treasury Department, Kuala Belait Branch

**Tarikh Tutup / Jam:**
18 Oktober 2025 – Sabtu
(9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Tawaran:**
Peti Sebut Harga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**JPt / SH / 84 / 2025-2026**
Supply, Install And Testing Of New HDPE Pipe Connection At Lot 126 KKP Batumpu

**JPt / SH / 85 / 2025-2026**
Membersih Saliran Di KKP Kulapis, Daerah Brunei Muara

**JPt / SH / 86 / 2025-2026**
Preventive Maintenance Services Of Shimadzu UV-VIS Spectrophotometer 2700

**JPt / SH / 16(A) / 2025-2026**
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bangunan Mulaut Dan Lampaki Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

**JPt / SH / 58(A) / 2025-2026**
Penyewaan Tempat Penyimpanan Biji Benih Padi Selama Dua (2) Tahun

**JPt / SH / 87 / 2025-2026**
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'A' Brunei Muara District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

**JPt / SH / 88 / 2025-2026**
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenace And Other Required Works At Zone 'D' (Belait And Tutong District). Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

**JPt / SH / 89 / 2025-2026**
Term Contract For Electrical Works And Maintenance Services For Building And Vicinities Under The Department Of Agriculture And Agrifood, Negara Brunei Darussalam

**Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada**
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 6 November 2025.**

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0049 / 2025 / 2026**
Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Landskap dan Kolam Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Sinaut Tutong Selama Satu (01) Tahun – [Class: 1 & Above] & [Category: KPB12 & S02]

**Tarikh Tutup :**
Rabu, 29 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**UNISSA / SB0048 / 2025 / 2026**
Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Landskap Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Gadong Selama Satu (01) Tahun – [Class: 1 & Above] & [Category: KPB12]

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
29 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0035 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Delivery And Install Sea Water Intake Pump House Flume Slab Cover For Keramut Seawater Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
23 Oktober 2025

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 147 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 148 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 149 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 150 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 151 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 152 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 153 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 154 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 155 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 156 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 157 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
4 November 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran:**
KK / 299 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Cleaning Services And Ground Maintenance Services For Psychiatry Services, Kg. Kiarong, Brunei Darussalam For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 300 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Medical Consumables For Otorhinolaryngology Department (ORL), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 301 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Comissioning Of Transport Ventilator For Intensive Care Unit And Emergency Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 302 / 2025 / JPR(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medical Consumables Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Bilangan Tawaran:**
KK / 292 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Laboratory Test Kit And Reagent (Clostridium Difficile Toxin) For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 293 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Outsourcing Removal, Transportation And Treatment Of Liquid Waste For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services/ Histology Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 303 / 2025 / ESTETMOH(TC)

**Keterangan:**
Term Contract For Collection, Transportation And Incinerate Services From Pusat Dialysis Rimba, Pusat Dialysis Kiarong Dialysis And Department Of Scientific Service Serasa Branch To Off-Site Location For A Period Of Two (2) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 304 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver External Quality Assurance Program For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 305 / 2025 / PPN(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Laboratory Consumable Items For Dental Laboratory For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Tidak lewat 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 294 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Antibiotic E-Test Strips For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 295 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Biological Samples Transportation And Laboratory Related Logistic Services For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 296 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Laboratory Testing Kits And Consumables For Semen Analysis And Sperm Preparation For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services (Andrology Laboratory), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 297 / 2025 / LAB

**Keterangan:**
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For Outsourcing HPV Molecular Tests For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year Usage

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 298 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
21 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 08
Pembelian Kelengkapan Alat Pesawat Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 21 Oktober 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Rujukan**
**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 09
Pembelian Locking Set Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 21 Oktober 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah
Negara Brunei Darussalam
Bandar Seri Begawan**

**Kebankrapan No.
BCY/CP/390/2009**

**Baiduri Finance Berhad**
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)
….Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Ali Bin Haji Taha**
[K.P. Brunei No. 00-114599 – Kuning]
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Pembatalan Perintah Penerimaan
dan
Notis Pelepasan Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian:
a. Bahawa Perintah Penerimaan dijatuhkan pada 29 Oktober 2009 dan Perintah Penghukuman dijatuhkan pada 4 Mac 2021 yang di buat terhadap Penghutang telah di lepaskan/dibatalkan pada 10 Julai 2025.

**Nama Penghutang:**
Ali bin Haji Taha
No. 18, Simpang 538,
Sungai Akar,
Jalan Kebangsaan,,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 5 Ogos 2025

**KES NO. BCY/CP/330/2022
Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang/Pemetisyen

**Muhammad Hadiyatullah @ Syafiiq Bin Rusli**
[Kad Pengenalan Brunei No. 01-043280 - Kuning]
… Penghutang/Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 24Julai 2025.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Muhammad Hadiyatullah @ Syafiiq bin Rusli,
No. 23, Spg. 40-127,
Kg. Sg. Akar, BC3515,
Brunei Darussalam.

Dan / atau,

No. 47, Jalan Kemangsi,
RPN Kg. Meragang,,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 9 Julai 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Ogos 2025

**KES NO. BCY/CP/408/2016**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
… Pemiutang/Pemetisyen

**Muhammad Rasyid Bin Muhammad Hussini**
[Kad Pengenalan Brunei No. 00-287185 - Kuning]
… Penghutang/Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 17 Julai 2025.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Muhammad Rasyid bin Muhammad Hussini,
No. 79, Simpang 353,
Jalan Bukit Bilid, Bukit Beruang,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
28 April 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 19 Ogos 2025

**Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR(B) / 2025 - 2026

Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh Satu (1) Tahun Bagi Zon 'B'

1. Sekolah Ugama Madewa
2. Sekolah Ugama Pg Muda Abdul Malik, Bengkurong
3. Sekolah Ugama PAP Majeedah Nuurul Bolkiah, Kilanas
4. Sekolah Ugama Lumapas
5. Sekolah Ugama Putat
6. Sekolah Ugama Kasat

Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
7 Jamadilawal 1447H /
29 Oktober 2025M
Tidak lewat jam 2.00 petang

**Tawaran
Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah-Sekolah Agama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**1. No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 28 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna,
Kawasan Brunei I

**2. No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 24 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Beribi,
Kawasan Brunei III

**Tarikh Akhir Menghantar Borang:**
Rabu,
7 Jamadilawal 1447H
bersamaan 29 Oktober 2025M
Sebelum
jam 2.00 Petang.

**Tawaran
Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah-Sekolah Agama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**No Tawaran:**
1. KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar,
Kampung Setia,
Kawasan Brunei I

**No Tawaran:**
2. KHEU / JPI / KANTIN / 27 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Madewa,
Kawasan Brunei III

**No Tawaran:**
3. KHEU / JPI / KANTIN / 31 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Lumapas,
Kawasan Brunei IV Daerah Brunei dan Muara

**Tarikh Akhir Menghantar Borang:**
Rabu,
7 Jamadilawal 1447H bersamaan
29 Oktober 2025M
Sebelum
Jam 2.00 petang.

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 47:
"Reprinting of Brunei Tourism Brochures and Informational Materials"

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 48:
"To Provide Multilingual Translation Services for Brunei Tourism Brochures"

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 30 Oktober 2025,
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025 – 2026 / 50

**Tajuk Tawaran:**
Provision Of Intergrated Marketing Services For 9th Brunei December Festival

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
30 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bil. Sebut Harga:**
11 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Maintenance Of POE Access Switches For Kolej Univerisiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 22 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Elektrik

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam.**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / PSP / 018 / 2025

**Tajuk:**
Menaiktaraf 11KV 1250A Metalclad Switchgear Bagi Stesen Elektrik Utama RPN Bukit Beruang dan Layong, Tutong (Retendered)

**Tarikh Tutup:**
11 November 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Harga Dokumen:**
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1 Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas IV atau V sahaja, dalam Kategori E05 dan Mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam Kategori E0

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4, Ibu Pejabat Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

# جوالن سالينن ݢمبر٢ ديݢيتل

# JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**
**FAKS : 2382242**

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

# WARGA PENDIDIK SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA KAWASAN BRUNEI I DIRAIKAN



**PEGAWAI Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei I, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas majlis berkenaan.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TELANAI**, Isnin, 13 Oktober. - Bersempena Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 serta bagi mengenang dan menghargai jasa enam Guru Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I yang telah bersara, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan (JKPSSU) Brunei I mengadakan Majlis Sambutan Hari Guru bagi Pegawai-pegawai dan Guru-guru Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I bertempat di salah sebuah restoran di Jalan Telanai, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei I, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Siti Halimatul Saadiah binti Haji Wahsalfelah.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Guru Besar Sekolah Ugama Begawan Umar Pehin Khatib Haji Awang Umar, Kampung Setia, Awang Mohd. Noordin bin Saidin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Guru Besar Sekolah Ugama Pengiran Bendahara Lama, Awang Amran bin Haji Majid selaku Pengerusi Majlis antara lain berkata, Hari Guru bukan sekadar satu perayaan tapi merupakan satu wadah untuk memperbaharui tekad, menimbulkan semangat serta menghargai jasa dan pengorbanan warga pendidik yang telah banyak menabur bakti dalam membentuk generasi berilmu dan berakhlak mulia.

"Kita semua memainkan peranan penting dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berakhlak mulia. Guru Ugama mempunyai tanggungjawab yang besar dalammenyemai nilai Islam, moral dan cinta kepada ilmu agar generasi yang akan datang menjadi insan yang seimbang duniawi dan ukhrawi," jelasnya.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh daripada guru-guru perempuan dan diselangi dengan penyampaian cenderamata kepada guru-guru yang bersara pada tahun 2025.

Turut diadakan penyampaian penghargaan kepada Guru-guru Ugama Kawasan Brunei I dalam



**AWANG Amran bin Haji Majid dalam ucapan alu-aluannya.**

pelbagai kategori, diikuti Cabutan Nama Bertuah dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan dan jasa bakti para guru serta tenaga pengajar yang cemerlang dalam perkhidmatan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan semangat perpaduan dalam kalangan guru-guru.

# Majlis Ramah Mesra manifestasi cinta, setia rakyat kepada raja



**AWANG Samrin Haji Jumat dan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don semasa ditemu bual (kiri dan kanan).**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Oktober. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk merupakan sebuah tradisi yang amat bernilai dalam sistem pemerintahan beraja Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ia bukan sekadar acara tahunan, tetapi sebuah wahana yang menyatukan jiwa kepimpinan dan denyut nadi rakyat. Tradisi mulia ini menjadi simbol keakraban, kemesraan dan keharmonian antara raja dan rakyat yang telah lama berakar dalam budaya pemerintahan negara.

Setiap kali Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk diadakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja berkenan turun padang bertemu rakyat jelata di setiap daerah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan sekadar lambang kepimpinan tertinggi negara, malah mencerminkan keprihatinan dan kasih sayang baginda terhadap rakyat tanpa mengira usia, latar belakang atau kedudukan. Inilah bukti kepimpinan berjiwa rakyat yang menjadi kebanggaan negara.

Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don, menyifatkan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sebagai sebuah tradisi yang wajar dikekalkan agar terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Menurut beliau majlis ini bukan sahaja mengeratkan silaturahim antara rakyat, malah mengangkat martabat raja yang dikasihi dan keunikan tradisi seperti ini sukar ditemui di negara lain.

Beliau turut menyeru generasi muda agar terus menyertai dan memeriahkan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk biarpun dunia kini bergerak pantas dengan arus teknologi moden. Tradisi ini, katanya, adalah simbol jati diri bangsa dan manifestasi kasih sayang rakyat kepada raja dan negara.

Bagi Dayang Siti Suriawate dari Persatuan PERBEKAL, peluang menyertai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk setiap tahun merupakan pengalaman yang amat berharga. Jelasnya, berpeluang bertemu dan berada dekat dengan raja yang kita kasihi adalah satu penghormatan yang tidak ternilai.

Turut berkongsi pandangan ialah seorang lagi Ahli PERBEKAL, Awang Samrin Haji Jumat, yang menekankan pentingnya sokongan padu masyarakat agar Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk terus meriah dan bermakna terutama dalam kalangan generasi muda.

Sementara itu, Dayang Nurul Aziemah binti Hamidon dari Women Business Council (WBC) melihat penglibatan mereka dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sebagai platform menyokong titah baginda agar wanita terus maju dalam bidang keusahawanan.

Dayang Nurul Aziemah menegaskan penyertaan persatuan tersebut dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat bukan sahaja sebagai sokongan malah sebagai usaha memperkenalkan peranan wanita dalam kemajuan ekonomi negara.

Jelasnya, WBC aktif menyumbang kepada ekonomi negara melalui keusahawanan dan pada masa yang sama membantu golongan ibu serta asnaf yang memerlukan. Kami, tegasnya, menyahut titah baginda agar wanita, khususnya belia, memperkaya ilmu perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain menjadi jambatan hubungan raja dan rakyat, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk juga membuka ruang bagi rakyat mempamerkan budaya, hasil usaha dan bakat melalui persembahan seni, pameran dan produk tempatan. Ia menggambarkan perpaduan, kemajuan dan identiti bangsa yang penuh nilai murni.

Lebih utama, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk memperkukuh falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi teras pentadbiran negara, berlandaskan nilai keadilan, tanggungjawab dan kesejahteraan rakyat.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk ialah lebih daripada sekadar pertemuan; ia adalah manifestasi cinta dan taat setia rakyat kepada raja, tanda kepimpinan berkat, serta simbol perpaduan nasional.

Selagi tradisi ini dipertahankan, insyaaAllah NBD akan terus dilimpahi keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan di bawah naungan Allah Subhanahu Wata'ala.



**DAYANG Nurul Aziemah binti Hamidon mewakili persatuan Women Business Council dan Dayang Siti Suriawate wakil Persatuan PERBEKAL (kiri dan kanan).**



قليتا بروني PELITA BRUNEI




# Memperkasa amalan gaya hidup sihat

**NIKMAT** sihat itu mahal nilainya, tidak kira usia muda mahupun sudah mencecah usia emas, kehadiran pelbagai penyakit yang 'singgah' di tubuh badan selalunya jarang disedari. Semestinya, keadaan kesihatan ini berkait rapat dengan amalan gaya hidup harian iaitu mungkin tidak menjaga pemakanan, kurang bersenam dan stres.

Oleh itu, gaya hidup sihat merupakan suatu amalan kehidupan yang membina di mana ia dapat membawa kesan yang positif kepada seseorang individu, institusi keluarga dan juga masyarakat.

Maka satu perkara yang perlu menjadi peringatan kita bersama bahawa sikap 'mencegah lebih baik daripada mengubati' dalam menjalani kehidupan seharian itu amat penting disemai sebagai budaya oleh seluruh lapisan masyarakat demi melahirkan rakyat yang sihat dan cergas berteraskan amalan gaya hidup sihat. Ini kerana masyarakat yang sihat akan membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara sekali gus menjadikan mereka sebagai sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif.

### Utamakan kesihatan diri di tengah arus cabaran

Oleh yang demikian, sebagai salah satu usaha dan komitmen dalam memupuk gaya hidup sihat, aktif dan seimbang dalam kalangan komuniti kampus dan masyarakat amnya, Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini telah berjaya mengungkayahkan Minggu Kesihatan UBD 2025 (UBD Healthy Week 2025) bertempat di Central Lecture Theatre (CLT) Foyer dan Library Learning Commons, Perpustakaan UBD.

Inisiatif program selama lima hari bermula dari 21 hingga 25 September lalu itu telah dianjurkan bersama oleh Centre for University Life and Wellness (UniHEALTH) dan Campus Asset Management and Planning for University Life (CAMPUs) dengan membawa tema 'Kesedaran Kesihatan Untuk Kehidupan Universiti : Ambil Tanggungjawab, Hidup Sihat' (Health Awareness for University Life : Take Charge, Live Healthy).

### E.X.H.A.L.E. tingkat kesedaran bahaya *vape*

Salah satu pengisian utama sepanjang Minggu Kesihatan UBD 2025 berlangsung ialah pameran dan reruai maklumat kesihatan tentang gaya hidup termasuklah pemakanan dan kesejahteraan yang diserlahkan oleh mahasiswa dan mahasiswi UBD secara berkumpulan.

Sebuah kumpulan yang terdiri daripada lima mahasiswi UBD dalam jurusan Farmasi Tahun 3, iaitu Dayang Rasyiqah binti Nazri, Dayang Cassandra Wong Wei Wen, Dayang Nurul Natasya Syahmina binti Haji Kamarul Zaman, Dayang Sifa Fathima Thahir Hussain dan Dayang Nur Zahidah binti Tom telah mengetengahkan satu projek komuniti yang dinamakan E.X.H.A.L.E. (End eXposure to Harmful Addiction and Lung Effects) yang mana ia didedikasikan untuk menangani peningkatan penggunaan rokok elektronik (*vape*) dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam sekali gus meningkatkan kesedaran tentang risiko kesihatan yang berkaitan.

Ketika ditemu bual, Dayang Cassandra Wong Wei Wen selaku ketua projek kumpulan berkenaan antaranya menekankan bahawa memandangkan *vape* telah muncul sebagai kebimbangan kesihatan awam yang kritikal dan mendesak, di peringkat tempatan dan global, maka E.X.H.A.L.E. bertujuan untuk turut sama berjuang mewujudkan kesedaran secara proaktif seperti melalui pelaksanaan bengkel pendidikan bersama para pakar dan penciptaan kandungan digital serta mencapai jangkauan yang disasarkan. Ini secara langsung untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan, memperkasakan pilihan gaya hidup yang lebih sihat dan menyumbang secara bermakna kepada aspirasi kesihatan negara yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035.

### Let's Glow! Galak pemahaman kesihatan gigi

Sementara itu, sebuah projek komuniti berkisar kempen kesedaran tentang *tooth staining* dikenali dengan nama Let's Glow! telah diketengahkan oleh lima mahasiswa dan mahasiswi UBD Tahun 3 terdiri daripada Dayang Maryam Rahmani @ Kauthar binti Haji Mohd Affno, Dayang Nurul Fathiah binti Haji Awang Mahli, Awang Abdul Baqi bin Juffri, Awang Muhammad Rahiman bin Haji Abdul Rahman dan Awangku Muhd. Hazim Hisyamuddin bin Pengiran Haji Ishak yang

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

mana projek komuniti mereka bermatlamat untuk menggalakkan pemahaman yang tepat dan berasaskan bukti tentang perubahan warna gigi dan menggalakkan sikap menitikberatkan penjagaan kesihatan mulut yang positif dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dalam pada itu, ahli kumpulan projek komuniti ini antaranya menjelaskan bahawa semua orang menginginkan senyuman yang indah dengan memiliki gigi yang kelihatan sihat. Secara umumnya, dua jenis utama perubahan warna gigi. Salah satunya perubahan warna dalaman gigi yang disebabkan oleh trauma pergigian (*dental trauma*), fluorosis, penuaan, genetik atau penggunaan ubat-ubatan tertentu. Manakala perubahan warna yang berlaku pada permukaan gigi biasanya disebabkan oleh faktor luaran seperti meminum minuman kopi atau teh, ataupun sering merokok atau *vaping*.

Menyentuh mengenai antara langkah sebagai usaha untuk mengelakkan perubahan warna gigi, mereka turut memberi saranan melakukan amalan memberus gigi secara lembut dua atau tiga kali sehari dengan ubat gigi berfluorida dan flos gigi sekali sehari untuk menyingkirkan sisa makanan yang berpotensi yang boleh mengotorkan gigi.

### Kesedaran mengenai penyakit Demensia

Tidak mengenali usia, jantina mahu pun keturunan, Demensia merupakan sesuatu penyakit yang terjadi kepada fungsi otak atau apabila kerosakan yang terjadi pada bahagian dalam otak sehingga kemudiannya akan menjejaskan ingatan seseorang seperti tidak dapat mengenali seseorang.

Secara umumnya, dalam kalangan masyarakat Brunei, ia sering disebut sebagai 'lali' yang mana ia sebenarnya bukanlah sebahagian daripada penuaan semula jadi bahkan ia merupakan sesuatu penyakit otak yang boleh mengakibatkan kemerosotan mental yang mengganggu aktiviti harian seseorang.

Perkara itu antara maklumat kesedaran mengenai penyakit Demensia yang ditekankan oleh tiga orang mahasiswi UBD terdiri daripada Dayang Najma binti Haji Najdi, Dayang Nur Nabilah Hamizah binti Haji Abd. Rahman dan Dayang Hajah Khairunnasibah binti Haji Abdullah di ruang pameran sepanjang Minggu Kesihatan UBD 2025 berlangsung baru-baru ini.

Terdapat tiga jenis utama penyakit Demensia iaitu Alzheimer, Vascular Dementia dan Lewy Bodies Dementia. Antara tanda-tanda Demensia itu ialah seseorang yang sering mengasingkan diri, sukar untuk menyelesaikan tugasan biasa atau rutin, perubahan personaliti dan emosi, mengalami permasalahan dengan bahasa dari segi percakapan dan tulisan, keupayaan untuk menilai terjejas dan sukar untuk mengingati barang yang telah diletakkan sebelumnya.

Seseorang yang mempunyai tanda dan simptom Demensia perlu diperiksa oleh profesional kesihatan untuk rawatan dan pengurusan penyakit Demensia. Risiko menghidap penyakit Demensia meningkat jika seseorang itu tidak mengamalkan cara hidup sihat sejak di awal usia. Akan tetapi, risiko Demensia boleh dikurangkan melalui amalan pemakanan sihat, melakukan kegiatan fizikal secara tetap sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali seminggu dan berhenti merokok. Bagi warga emas, rangsangan mental dan interaksi sosial juga perlu dikekalkan.

### Platform kesedaran dan tindakan kesihatan

Menerusi Minggu Kesihatan UBD 2025 juga bertindak sebagai platform untuk kesedaran dan tindakan dengan antaranya turut menampilkan pemeriksaan kesihatan percuma untuk pengesanan dan pencegahan awal; dan juga sesi kecergasan berkumpulan serta persembahan kebudayaan. Begitu juga pertandingan untuk menggalakkan penglibatan pengunjung program dan bengkel kesihatan mental bagi menangani pengurusan tekanan dan daya tahan emosi turut menjadi antara tarikan sepanjang berlangsung program tersebut.

Sesungguhnya, kesihatan adalah aset terpenting dalam kehidupan kita. Dengan tubuh badan yang sihat dan minda yang cerdas, barulah kita dapat mencapai kecemerlangan dalam pelajaran, kerjaya dan kehidupan seharian.







# KUPU SB komited lahirkan guru ugama terlatih

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**ESOK** seramai 225 orang bakal graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bakal menerima ijazah-ijazah dan diploma-diploma pada Majlis Konvokesyen Ke-15. Kali ini ia akan diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Inilah barisan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dalam bidang perguruan ugama yang diharapkan dapat mengukuhkan lagi akidah dan iman masyarakat sekeliling melalui ilmu yang mereka miliki.

Pada tahun ini seorang bakal graduan akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam; 21 bakal graduan akan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam bidang Bahasa Arab, bidang Kajian Ahli Sunnah Waljama'ah, bidang Pendidikan Islam, bidang Sejarah dan Tamadun Islam, bidang Syariah dan juga bidang Usuluddin; seorang bakal graduan akan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Bahasa Arab).

14 bakal graduan akan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah; 30 bakal graduan akan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Pendidikan Islam); 4 bakal graduan akan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab).

72 bakal graduan akan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor dalam Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah; Seni Al-Quran; Bimbingan dan Kaunseling; Dakwah dan Kepimpinan; Fiqh Ahli Sunnah Waljama'ah; Fiqh Ahwal Syahkhsiah; Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam; Keusahawanan dalam Pendidikan Islam; Kewangan Islam; Pendidikan Awal Kanak-Kanak; Pendidikan Keluarga Islam; Pendidikan Khas dan Pendidikan Melayu Islam Beraja.

Lima bakal graduan akan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab).

Sementara itu seramai 77 bakal graduan akan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam).

Bagi memastikan kelancaran perjalanan majlis, Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Konvokesyen telah pun bertungkus lumus, melaksanakan persediaan yang rapi, meliputi aspek persediaan bakal graduan, aspek protokol dan jemputan, aspek logistik, aspek keselamatan dan sebagainya.

Dua sesi raptai telah dirancang iaitu raptai pertama diadakan kelmarin, manakala raptai penuh diadakan pada hari ini.

Para bakal graduan adalah diingatkan untuk hadir tepat waktu pada hari Majlis Konvokesyen dan memastikan agar setiap bakal graduan, bersiap sedia berada di tempat yang telah ditetapkan sebelum bermula Perarakan Masuk ke dalam dewan iaitu pada jam 9.20 pagi.

Untuk para jemputan ibu bapa dan penjaga, pihak Kolej Universiti juga akan menyediakan pengangkutan *shuttle bus* iaitu bertempat di The Core UBD dan Kolej Kediaman Lelaki, sebagaimana yang dinyatakan dalam jemputan kad masing-masing. Oleh itu, para jemputan ibu bapa dan para graduan bolehlah meletakkan kenderaan di kawasan-kawasan berkenaan dan menggunakan kemudahan *shuttle bus* yang telah disediakan.

### Acara sempena konvokesyen

Terdapat beberapa acara yang diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini iaitu Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang telah diadakan pada Rabu, 1 Oktober 2025 lepas, bertempat di Kubah Makam Diraja.

Bakal graduan juga turut diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung pada Sabtu, 4 Oktober 2025 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Selain itu, Majlis Aspirasi Kecemerlangan Akademik akan diadakan pada sebelah malam, Khamis, 16 Oktober 2025 nanti. Majlis berkenaan akan dimeriahkan dengan beberapa slot acara, antaranya Penyampaian Anugerah dan Hadiah, Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUPU SB dengan beberapa universiti dan agensi dan Penerimaan Sumbangan Waqaf Tarbiyah Graduan Konvokesyen Ke-15 KUPU SB.

### Memorandum Persefahaman

Sehingga September 2025, KUPU SB memiliki 37 Memorandum Persefahaman dan Perjanjian (aktif) dengan universiti-universiti serta institusi-institusi dari pelbagai negara termasuk, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Filipina, Thailand, Jepun, United Kingdom dan Yaman.

Lapan lagi Memorandum Persefahaman juga dijangka turut dimeterai sempena Majlis Konvokesyen Ke-15 KUPU SB iaitu bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Universiti Brunei Darussalam; Mitsubishi Corporation; Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia; Kolej Poly-Tech Mara Malaysia; Universitas Hasyim Asy'ari Tebuireng Jombang, Republik Indonesia; Universitas Negeri Surabaya, Republik Indonesia dan Universitas Mulawarman, Samarinda, Republik Indonesia.

KUPU SB juga merupakan ahli kepada empat pertubuhan serantau dan antarabangsa iaitu Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN); The regional Asia-Pacific University Community Engagement Network (APUCEN); Konsortium Universiti Pendidikan Asia Pasifik (CAPEU) dan ASIAN Islamic Universities Association (AIUA).

### Penutup

KUPU SB memainkan peranan penting untuk melahirkan guru-guru ugama yang terlatih, selaku tonggak pembentuk akhlak dan pembekal ilmu bagi anak bangsa.

Alhamdulillah, KUPU SB juga semakin giat dalam menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang perguruan Ugama pada peringkat pengajian sijil, diploma, ijazah dan ijazah lanjutan serta kursus-kursus pemantapan bagi bakal guru dan guru yang sudah berkhidmat yang disokong oleh tenaga-tenaga akademik terdiri daripada profesor madya, penolong kanan profesor, pensyarah, penolong pensyarah dan guru ugama.

Ia dihasratkan menjadi sebuah institusi perguruan ugama yang unggul, menjadi kebanggaan dan memenuhi keperluan negara. Kedudukan penubuhannya melambangkan mercu tanda keislaman yang unik dengan memartabatkan pengajian perguruan ugama.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 KUPU SB Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi :

''*KUPU SB mesti menjadi pelopor bagi memperkasa pendidikan ugama dan juga jadi peneraju kepada dasar pendidikan patuh syarak. Dalam makna, KUPU SB bukan hanya setakat untuk melihat ke dalam dirinya semata-semata, malah juga berhak untuk turut memantau dan menilai, bahkan untuk memberi pandangan tentang mana-mana amalan atau strategi pendidikan yang memerlukan pembaikan dari segi hukum dan kemasyarakatan*''.



# LEBIH 100 PESARA GURU MERIAHKAN MAJLIS REUNION



**LEBIH 100 pesara guru terdiri daripada kalangan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir di Majlis Reunion Guru-Guru Bersara Kali Ke-2 2025 yang telah berlangsung di Dewan Mezzanine, Park View Hotel (atas dan bawah).**

**Berita dan Foto : Ihsan Sarimah Bakir**

**JERUDONG**, Isnin, 13 Oktober. - Jawatankuasa Adhoc Guru-Guru Bersara 1447/2025 baru-baru ini mengadakan Majlis Reunion Guru-Guru Bersara Kali Ke-2 2025, yang berlangsung dengan penuh meriah di Dewan Mezzanine, Park View Hotel.Majlis ini merupakan kesinambungan daripada majlis *reunion* yang pertama yang telah diadakan pada tahun 2022. Majlis antara lain bertujuan untuk menjalin serta mengeratkan lagi ukhuwah dan silaturahim yang sedia ada dalam kalangan pesara pendidik yang pernah mencurah bakti kepada pembangunan pendidikan negara.

Seramai lebih 100 pesara guru hadir dalam majlis tersebut terdiri daripada kalangan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pengerusi Majlis, Awang Haji Zulkipli Haji Ladis, dalam ucapannya menyampaikan penghargaan kepada semua pesara yang hadir serta menekankan betapa pentingnya ukhuwah yang berterusan, bukan hanya semasa di alam kerjaya tetapi juga selepasnya. Atur cara majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, sebagai lambang semangat patriotik dan penghargaan terhadap negara yang telah menjadi medan perjuangan para guru. Bersempena dengan Sambutan Hari Guru, para hadirin bersama-sama menyanyikan lagu 'Guru Oh Guru', mengimbau jasa dan pengorbanan insan-insan yang pernah bergelar pendidik. Acara diserikan lagi dengan deklamasi sajak oleh Awang Haji Ismail bin Metussin bertajuk 'Reunion' hasil karya penyajak yang tak asing lagi, Awang Haji Mariat Haji Abdullah. Perkongsian ilmu bertajuk 'Hala tuju pesara guru' telah disampaikan oleh kaunselor terkenal, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Ghafor.

Antara inti pati ilmu yang dikongsikan adalah pentingnya pesara guru untuk menjaga kesihatan, mengisi fasa kehidupan selepas bersara agar terus aktif menyumbang kepada masyarakat.

Suasana lebih meriah lagi dengan acara Nama Bertuah yang mana beberapa pesara guru telah menerima Hadiah Nama Bertuah yang telah ditaja oleh ahli-ahli Jawatankuasa Adhoc Reunion Guru-Guru Pesara 1447/2025.

Sebagai penutup majlis yang penuh bermakna ini, Ahli Jawatankuasa Adhoc Reunion bersalam-salaman dengan semua pesara guru yang hadir, diiringi dengan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berkumandang lembut, menambah seri acara yang penuh nostalgia ini.



## ALAI PINTAR

SOALAN 159

### SOALAN 15 OKTOBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah rukun Islam yang pertama?
   a) Solat
   b) Berpuasa
   c) Mengucap dua kalimah syahadah
2. Apakah nama ibu kota bagi Negara Brunei Darussalam?
   a) Seria
   b) Kuching
   c) Bandar Seri Begawan
3. Antara berikut, yang manakah nombor genap?
   a) 27
   b) 33
   c) 48

**TARIKH TUTUP : 30 OKTOBER 2025**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................

Tarikh Lahir : ..................................................

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................

Sekolah : ..................................................

Tahun : ..................................................

Alamat : ..................................................

..................................................

Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 158 :

Nama : Ak. Md. Haikal Aqmar bin Pg. Hasrul Ariffin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :0138914-01. Sekolah : Sekolah Nusa Laila Puteri Cawangan Kiulap

Nama : Dk. Amal Khayra binti Pg. Haji Shahzulkasi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-198580. Sekolah : Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit

Nama : Nur'Anis Sabrina binti Aftfhaizul Hafidz
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0128978-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 158

1. B - Burung
2. A - 25.6 Kg
3. C - Memasang

BERITA GLOBAL

# 1 DARIPADA 6 JANGKITAN BIASA KALIS TERHADAP ANTIBIOTIK – AMARAN WHO

**GENEVA**, 14 Okt. - Satu daripada enam jangkitan bakteria yang menyebabkan penyakit biasa di seluruh dunia pada 2023 didapati kalis terhadap rawatan antibiotik, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam laporan terbaharu yang memberi amaran tentang kebimbangan kesihatan global yang semakin meningkat pada Isnin.

Antara 2018 hingga 2023, daya tahan terhadap antibiotik meningkat dalam lebih 40 peratus kombinasi patogen-antibiotik yang dipantau oleh WHO, dengan peningkatan tahunan antara lima hingga 15 peratus, menurut laporan itu.

Data yang dikemukakan oleh lebih 100 negara kepada Sistem Pemantauan Daya Tahan dan Penggunaan Antimikrob Global WHO menunjukkan peningkatan kekalisan terhadap antibiotik utama yang digunakan untuk merawat jangkitan saluran kencing, gastrousus dan aliran darah, serta gonorea.

"Daya tahan antimikrob berkembang lebih pantas daripada kemajuan perubatan moden, sekali gus mengancam kesihatan keluarga di seluruh dunia," kata Ketua Pengarah WHO Tedros Adhanom Ghebreyesus.

Laporan itu mendapati tahap kekalisan paling tinggi dikesan di rantau Asia Tenggara dan Mediterranean Timur WHO, dengan satu daripada tiga jangkitan yang dilaporkan adalah tahan antibiotik. E. coli dan Klebsiella Pneumoniae yang kalis ubat, antara punca utama jangkitan aliran darah, kini menjadi ancaman terbesar apabila lebih separuh kes global tidak lagi memberi tindak balas kepada rawatan barisan pertama.

WHO menggesa negara-negara memperkukuh sistem makmal dan berkongsi data berkualiti tinggi mengenai daya tahan antimikrob menjelang 2030. - ©BERNAMA

# Pelabuhan darat utama Republik Rakyat China catat lebih 6,000 perjalanan kereta api

**URUMQI**, 14 Okt. - Pelabuhan Alashankou, juga dikenali sebagai Alataw Pass, sebuah pelabuhan darat utama di barat laut Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang Republik Rakyat China, telah mengendalikan lebih 6,000 perjalanan kereta api barang Republik Rakyat China-Eropah pada 2025, menurut pelabuhan itu.

Pihak kastam pelabuhan telah memperkemas prosedur pelepasan agar kargo masuk kini bergerak melalui pelabuhan dalam masa kurang daripada 16 jam, menurun daripada dua hingga tiga hari sebelumnya, dan setiap kereta api pergi balik boleh dimuat semula dalam purata dua jam sahaja.

Tahun ini, Pelabuhan Alashankou telah menyaksikan lebih 21 kereta api barang Republik Rakyat China-Eropah sehari secara purata dengan rekod harian sebanyak 30, kata pelabuhan itu.

Pada masa ini, 127 laluan kereta api kargo Republik Rakyat China-Eropah melalui pelabuhan tersebut, menjangkau 26 kawasan peringkat wilayah Republik Rakyat China dan 21 negara termasuk Republik Persekutuan Jerman, Republik Poland dan Hungary. Kereta api ini membawa lebih 200 kategori barangan daripada kenderaan dan bahagian kenderaan termasuk pakaian dan elektronik. - ©XINHUA



**GAMBAR udara yang diambil pada 17 Mei 2024 menunjukkan pemandangan Pelabuhan Alashankou di Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang barat laut Republik Rakyat China. (Xinhua)**

# Perdana Menteri Republik Perancis Sebastien Lecornu umum kabinet

**PARIS**, 13 Okt. - Perdana Menteri Republik Perancis Sebastien Lecornu pada Ahad mengumumkan barisan Kabinet baharunya yang terdiri daripada 34 menteri, menurut Pejabat Presiden, lapor Xinhua.

Pelantikan utama termasuk Laurent Nunez sebagai Menteri Dalam Negeri, Jean-Pierre Farandou sebagai Menteri Buruh, Monique Barbut sebagai Menteri Peralihan Ekologi, Edouard Geffray sebagai Menteri Pendidikan Negara dan Catherine Vautrin sebagai Menteri Pertahanan.

Roland Lescure dilantik semula sebagai Menteri Kewangan, manakala Jean-Noel Barrot terus berkhidmat sebagai Menteri Luar.

Gerald Darmanin pula mengekalkan jawatannya di Kementerian Kehakiman.

Menurut laporan media tempatan, Lecornu bertemu Presiden Emmanuel Macron di Istana Elysee lebih awal pada petang itu.

Beliau mencadangkan "gabungan tokoh masyarakat berpengalaman dan ahli parlimen muda" bagi edisi kedua pentadbirannya.

Lecornu sebelum ini meletak jawatan pada Isnin, kurang sebulan selepas pelantikannya yang pertama dan hanya sehari selepas mengumumkan sebahagian Kabinet awalnya.

Beliau dilantik semula sebagai Perdana Menteri pada Jumaat di tengah-tengah ketegangan politik yang berterusan. - ©BERNAMA

# Hujan lebat diramal landa Republik Sosialis Viet Nam, rakyat diminta bersedia hadapi bencana

**HANOI**, 13 Okt. - Hujan lebat dijangka berlaku di beberapa kawasan di wilayah timur laut dan utara tengah Republik Sosialis Viet Nam pada sebelah petang dan malam 13 Oktober, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat, tanah runtuh dan pembanjiran, menurut Pusat Ramalan Hidro-Meteorologi Kebangsaan (NCHF), lapor Agensi Berita Viet Nam (VNA).

Jumlah hujan antara 15 hingga 30 milimeter (mm) dijangka direkodkan di wilayah timur laut, dengan beberapa kawasan dijangka menerima hujan lebih 70mm, manakala hujan antara 20 hingga 40 mm berkemungkinan berlaku di wilayah tengah dari Thanh Hoa hingga Ha Tinh, dengan lebih 80 milimeter hujan di beberapa kawasan.

NCHF turut memberi amaran mengenai kemungkinan hujan lebat melebihi 70 mm dalam tempoh tiga jam yang disertai puting beliung, kilat, hujan batu dan angin kencang di wilayah-wilayah berkenaan.

Pusat itu juga memberi amaran mengenai risiko berlakunya banjir di sungai-sungai kecil, tanah runtuh di kawasan lereng bukit, serta pembanjiran di kawasan rendah, bandar dan zon perindustrian. Tahap risiko bencana diklasifikasikan sebagai Tahap 1 - yang terendah dalam skala lima tahap.

NCHF turut menasihatkan penduduk di kawasan terjejas supaya sentiasa mengikuti ramalan cuaca dan bersiap siagamenghadapi bencana alam bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda. - ©BERNAMA

# Kerajaan Australia guna semua undang-undang tersedia tangani kebocoran data Qantas

**CANBERRA**, 13 Okt. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Australia, Tony Burke pada Isnin berkata kerajaan persekutuan akan menggunakan semua undang-undang yang ada untuk menangani insiden kebocoran data Qantas yang mendedahkan maklumat peribadi kira-kira 5.7 juta pelanggan, lapor Xinhua.

Burke memberitahu stesen radio Australian Broadcasting Corporation (ABC) pada Isnin bahawa Qantas mempunyai tanggungjawab untuk memastikan keselamatan siber yang kukuh, bukan sahaja melalui pelaksanaan langkah teknikal yang sesuai tetapi juga dengan memastikan kakitangannya menerima latihan yang mencukupi.

Syarikat penerbangan itu mengesahkan pada Ahad bahawa ia merupakan antara beberapa syarikat di seluruh dunia yang menjadi mangsa kecurian data oleh kumpulan penggodam yang menyasarkan pelanggan syarikat perisian gergasi Salesforce antara April 2024 dan September 2025.

Data peribadi 5.7 juta pelanggan Qantas termasuk nama, nombor keahlian penumpang tetap, butiran hubungan dan tarikh lahir telah dicuri dalam serangan pada 30 Jun.

Qantas sebelum ini menjelaskan pada Julai bahawa kumpulan penggodam itu menyasarkan sistem pihak ketiga yang digunakan oleh pusat panggilan luar negara milik syarikat itu.

Menurut penerbitan industri tempatan Information & Data Manager, Qantas berdepan penalti sekiranya Pejabat Pesuruhjaya Maklumat Australia (OAIC) mendapati pelanggaran itu merupakan "campur tangan serius terhadap privasi".

"Bahagian perniagaan boleh diuruskan oleh pihak luar, tetapi undang-undang tidak boleh diserahkan kepada orang lain," kata Burke pada Isnin.

Dalam kenyataan pada Ahad, Qantas memaklumkan bahawa pihaknya telah memperoleh perintah injunksi berterusan bagi menghalang data yang dicuri daripada diakses, dilihat, disebarkan, digunakan, dihantar atau diterbitkan.

Burke turut menasihatkan mana-mana individu yang terjejas agar berhati-hati dan menamatkan panggilan sekiranya menerima panggilan mencurigakan daripada pihak yang mendakwa wakil Qantas, sebelum menghubungi semula melalui talian rasmi. - ©BERNAMA

# Doosan Enerbility eksport turbin gas ke AS

**SEOUL**, 13 Okt. - Doosan Enerbility Co., syarikat pembinaan loji utama Korea Selatan pada Isnin mengumumkan bahawa ia mengeksport produk turbin gas ke Amerika Syarikat, menandakan perjanjian pertama negara itu untuk menghantar turbin gas yang dibangunkan dalam negeri ke luar negara, lapor Agensi Berita Yonhap.

Doosan Enerbility menandatangani kontrak dengan sebuah syarikat teknologi gergasi untuk membekalkan dua turbin gas berkapasiti 380 megawatt bagi loji janakuasa menjelang akhir 2026, menurut kenyataan media syarikat itu. Bagaimanapun, nama pelanggan dan nilai kontrak tidak didedahkan.

Pada 2019, Korea Selatan menjadi negara kelima di dunia yang berjaya membangunkan turbin gas sendiri selepas Amerika Syarikat, Jepun, Republik Persekutuan Jerman dan Republik Itali. Sebelum itu, negara itu bergantung sepenuhnya kepada import.

"Perjanjian ini merupakan titik perubahan bermakna bagi Korea Selatan, mengubah statusnya daripada pengimport utama kepada pengeksport turbin gas," kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Perniagaan Perkhidmatan Kuasa Doosan, Sohn Seung-woo.

"Kami akan terus memperkukuh kehadiran di pasaran global dengan memastikan pematuhan ketat terhadap kualiti produk dan jadual penghantaran," kata beliau. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI
PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# BIBD, RB DAN ARROWTECH METERAI MOU JAYAKAN BRUNEI HALF MARATHON 2025



SEKITAR Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan berlangsung di Tingkat 10, Bangunan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Mohammad Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pagi tadi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dan Arrowtech Sports untuk bekerjasama bagi Brunei Half Marathon 2025 yang akan datang, dijadualkan berlangsung pada 30 November 2025 di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Majlis MoU berlangsung di Tingkat 10, Bangunan BIBD, Bandar Seri Begawan, di sini.

Di bawah MoU tersebut, BIBD akan berkhidmat sebagai rakan kongsi perbankan rasmi bagi acara tersebut, menyokong jawatankuasa penganjur dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam menjayakan acara sukan kebangsaan berkenaan.

Penyertaan BIBD merupakan sebahagian daripada komitmennya yang lebih luas untuk memupuk gaya hidup sihat dan aktif sambil menyumbang kepada inisiatif kebangsaan yang menyatukan masyarakat dan mempromosikan Brunei sebagai destinasi yang meriah.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama ini, BIBD akan menawarkan peserta rebat 20 peratus apabila membuat pembayaran yuran pendaftaran menggunakan mana-mana Kad BIBD (Kad Debit BIBD atau Kad Kredit) bersama-sama dengan menyokong pemudahan pembayaran digital dan aktiviti-aktiviti *outreach* yang direka untuk menjadikan penyertaan lebih mudah dan inklusif.

Brunei Half Marathon 2025 dijangka akan menarik minat pelari dari dalam dan luar negara dalam satu ujian ketahanan.

Berlangsung di salah satu mercu tanda paling ikonik negara, acara berkenaan menandakan satu mercu tanda dalam kalendar pelancongan sukan dan acara komuniti Brunei yang semakin berkembang.

Penolong Pemangku Pengarah Urusan 3 BIBD dan Ketua Perbankan Runcit, Awang Junaidi bin Bahrum berkongsi bahawa BIBD mengiktiraf usaha berterusan kerajaan untuk menggalakkan kesejahteraan dan kehidupan aktif dalam kalangan rakyat Brunei dan kekal komited untuk menyokong inisiatif sedemikian yang memupuk tabiat positif dan kesejahteraan komuniti.

Tambahnya, sebagai rakan kongsi perbankan rasmi, BIBD berbesar hati untuk memainkan peranan dalam memajukan aspirasi bersama untuk kesihatan, perpaduan, dan kemajuan negara, selaras dengan identitinya, 'Bruneian at Heart'.

# YFL, ASIOP FC memperkukuh kerjasama dalam bola sepak

**Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

**JAKARTA**, Selasa, 14 Oktober. - Akademi Bola Sepak Intinusa Olah Prima (ASIOP FC) Jakarta memuji usaha berterusan serta langkah positif Yakin Football League (YFL) dalam membantu memajukan dan mengembangkan sukan bola sepak di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ketua Pegawai Eksekutif ASIOP FC, Ade Wellington yakin lawatan rasmi rombongan YFL ke akademi berkenaan akan membuka lembaran baharu dalam merapatkan hubungan kerjasama serta pertukaran idea bagi memperkembangkan lagi bola sepak antara kedua-dua belah pihak.

Ade Wellington semasa berucap bagi mengalu-alukan lawatan delegasi YFL di Stadium ASIOP, Kota Pentadbiran Jakarta Pusat, DKI Jakarta berkata, "Kami amat menyambut baik hasrat dan berasa sangat teruja dengan kehadiran delegasi YFL yang mengadakan lawatan rasmi ke kampus ASIOP FC, sekali gus menyaksikan sendiri perkembangan serta aktiviti yang dijalankan di sini".

Beliau menambah, ASIOP sentiasa membuka pintu kepada YFL untuk saling membantu dan bekerjasama dalam bidang-bidang berkaitan pembangunan bola sepak, khususnya di peringkat akar umbi dan belia bagi kedua-dua institusi.

Menurutnya lagi, lawatan berkenaan sudah pasti akan menyuntik semangat kepada ASIOP FC untuk terus meningkatkan persefahaman dan pada masa yang sama berperanan sebagai 'Abang Tua' kepada YFL.

Sementara itu dalam ucapan pengenalan, Ketua Pegawai Eksekutif YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey pula menjelaskan bahawa lawatan berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha untuk mencari platform bagi menubuhkan serta membangunkan strategi pengurusan akademi bola sepak, di samping berkongsi pandangan dengan ASIOP FC.

Jelasnya, YFL sememangnya berhasrat untuk menubuhkan sebuah akademi bola sepak yang holistik, bukan sahaja bagi menggilap potensi pemain tetapi juga untuk memperkukuh jati diri para pemain tempatan.

Menurutnya lagi, YFL memilih untuk melangkah ke hadapan dalam memajukan bola sepak di NBD dan sebelum ini telah menjalin hubungan kerjasama dengan dua pertubuhan bola sepak di negeri Sarawak, iaitu Limbang FA dan Miri FA.

"Usaha ini akan membantu YFL dalam menubuhkan akademi-akademi bola sepak serta menjadi penganjur kepada kejohanan bola sepak terbesar di Kepulauan Borneo," ujarnya lagi.



DELEGASI Yakin Football League (YFL) diketuai oleh Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang pada lawatan rasmi ke kampus Akademi Bola Sepak Intinusa Olah Prima (ASIOP FC), Jakarta.

Delegasi YFL yang diketuai oleh Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang, bersama beberapa pegawai turut berkesempatan menyaksikan secara dekat sesi latihan akademi mengikut peringkat umur, di samping dibawa melawat ke kampus pendidikan ASIOP FC.

ASIOP FC merupakan sebuah akademi bola sepak yang ditubuhkan pada 1997 dan telah berjaya melahirkan ramai bintang bola sepak kebangsaan Republik Indonesia yang turut beraksi mewakili kelab-kelab luar negara.

Akademi berkenaan juga memiliki prasarana yang serba lengkap dan moden, termasuk Stadium ASIOP (ASTA) di Jakarta Pusat, Pusat Latihan ASIOP (ATG) di Sentul, serta House of Champions yang turut terletak di kawasan ATG Sentul.